


**Bil. 38**

**Rabu  
16 Oktober 2019**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG)**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna:**

- (i) YBhg Datuk Muez bin Abd. Aziz, Ketua Setiausaha

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 16 OKTOBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]

**Tidak Hadir [*Dengan maaf*]**

YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA****Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]  
Encik Mohd Marzuni bin Muhammad [Pengarah Bahagian Audit Prestasi III]  
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Pengarah Bahagian Susulan Audit]  
Encik Azmi bin Hassan [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]  
Tuan Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]  
Puan Halimatun binti Abu Bakar [Juruaudit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]  
Encik Mohd Redza bin Abd Razak [Penolong Juruaudit (Cawangan Audit Kementerian Kewangan), Sektor Audit Prestasi]

**Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet]  
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

**Jabatan Peguam Negara**

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]  
Puan Fatin binti Mohd Nor [Peguam Persekutuan (Unit Penswastan dan Pengurusan Kontrak)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Datuk Abdul Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Pengurusan]  
Encik Wan Mohamad bin Wan Drahman [Ketua Cawangan Sektor Awam]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

Dr Mohd Shahrin bin Umar [Pengarah Bahagian Tenaga]

samb/-

---

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

Datuk Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha]

Datuk Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)]

Datuk Tay Lee Ly [Penasihat Undang-undang]

Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman [Pengarah Bahagian Penguat Kuasa]

Encik Jafri bin Embok Taha [Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri]

Encik Amran bin Ahmad [Pengarah Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan]

Encik Jeferi bin Darhman [Ketua Audit Dalam]

Encik Azman bin Adam [Pegawai Penguat Kuasa (Bahagian Penguat Kuasa)]

Puan Nuraznida binti Abdul Halyily [Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan]

Encik Wan Muhammad Shukri bin Wan Sharif [Pegawai Pemantau Harga, Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan]

Encik Muhd Khairulanwar bin Ismail [Pegawai Data Petrol, Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan]



**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 16 Oktober 2019****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.01 pagi***[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera kepada Naib Pengerusi, Ahli-ahli PAC Parlimen. Saya hendak ucapkan juga selamat datang kepada ex-officio PAC Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat prosiding pada hari ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, pagi ini PAC Parlimen akan meneruskan prosiding Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) selepas kita memulakan prosiding yang pertamanya pada 4 September 2019 yang pada ketika itu kita mendengar penjelasan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Akan hadir di hadapan kita sebentar sahaja lagi adalah Yang Berbahagia Datuk Muez bin Abd Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham bin Mohd selaku Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Berbahagia Datuk Tay Lee Ly selaku Penasihat Undang-undang dan juga Yang Berbahagia Dato' Iskandar Halim Sulaiman selaku Pengarah Penguatkuasa di KPDNHEP.

Sebelum saya memanggil saksi untuk masuk bagi memberikan keterangan serta penjelasan kepada PAC Parlimen, saya hendak bertanya kepada mana-mana ex-officio yang berada bersama dengan kita pada hari ini, juga kalau ada apa-apa maklumat terkini ataupun status mengenai isu ini yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, kalau ada tambahan, saya minta supaya dimaklumkan kepada kita sebelum kita panggil saksi kita masuk. Ataupun, mungkin adakah siasatan SPRM, sebagai contoh? Ataupun, adakah tidak laporan dan sebagainya? Itu elok untuk kita kongsi sekarang sebelum kita panggil saksi untuk masuk.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *I think* maksud *Chairman* juga ialah sama ada terdapat apa-apa poin ataupun soalan yang ex-officio hendak kami bangkitkan semasa prosiding.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada laporan, tidak ada siasatan daripada SPRM. Kementerian Kewangan, ada apa-apa tidak?

**Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet, Kementerian Kewangan]:** Tidak ada, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ya, mengenai perkara ini? AGC pun tidak ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Perbendaharaan *was not happy*.

**Tuan Pengerusi:** Siapa dia?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Remember when the last briefing, they were not happy with the way it was wasted.*

**Tuan Pengerusi:** Yes, kewangan. Sebab Kementerian Kewangan dalam prosiding yang lepas, dia tidak begitu gembira melalui prosiding dia dengan cara *claim* ini dibuat. Adakah itu *stand* juga daripada ex-officio?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Datuk siapa ya hari itu? Datuk Siti hari itu. Dia ada mengatakan perlu ada limit kepada... *[Disampuk]* Ya. Tetapi dia akan...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya belum ada respons sejak daripada prosiding tempoh hari ya. Maknanya tidak ada apa-apa maklumat tambahan yang hendak diberikan kepada Ahli-ahli PAC ya pada hari ini daripada ex-officio?

**Encik Azize bin Taib:** *No, no.*

**Tuan Pengerusi:** Audit?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Encik Johan, masa prosiding pertama, Datuk Siti ada menyatakan bahawa dia akan membuat satu *paper* mengenai perkara yang dibincangkan. Bolehkah tidak saya hendak minta Sekretariat untuk berhubung semula untuk bertanya mengenai status *paper* tersebut? Kalau sekiranya ia ada, minta dikongsikan bersama dengan PAC untuk kita punya susulan seterusnya.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** Boleh tanya dengan MoF.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, pada saya, sebab yang minta untuk maklumat ini akan diberikan kepada PAC. Kalau PAC, segala maklumat itu kalau sekiranya ia nanti boleh membantu kita dari segi membuat keputusan-keputusan atau syor-syor kepada pihak kerajaan, saya rasa perlu juga untuk dikongsikan. Walau bagaimanapun, saya minta Sekretariat untuk berbincang semula dengan Kementerian Kewangan.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji Khalid daripada Jabatan Audit Negara. Sila, Tuan Haji Khalid.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

So, saya ingat kita ada tekankan dalam laporan dan juga semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKAN mengenai ketirisan subsidi ini kepada bukan golongan sasaran di mana kita hendak diperkukuhkan akta berkaitan. Ada disebut— *I can quote the Act under* kementerian KPDNHEP supaya itu di-define secara jelas dalam aktalah. Pendapat daripada AGC pun telah memberi *opinion* bahawa ia sepatutnya diadakan sedemikianlah. Itu yang utamalah, Tuan Pengerusi ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kalau itu sahaja, mungkin kita boleh panggil saksilah ya untuk masuk. Silakan, Encik Johan.

■1110

*[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Ahli-ahli PAC sekalian. Hadir di hadapan PAC Parlimen ketika ini adalah Yang Berbahagia Datuk Muez bin Abd Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham bin Mohd selaku Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Berbahagia Datuk Tay Lee Ly selaku Penasihat Undang-undang, Yang Berbahagia Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman selaku Pengarah Penguatkuasa serta barisan pegawai kanan kementerian.

Yang Berbahagia Datuk, terima kasih di atas kehadiran ke Prosiding PAC Parlimen Bilangan 38 tahun 2019. Kali ini adalah berkaitan dengan pengurusan subsidi gas petroleum cecair. Seperti Yang Berbahagia Datuk KSU sedia maklum dan juga barisan pegawai

kementerian juga maklum, mesyuarat pada hari ini ataupun prosiding pada hari ini adalah prosiding yang kedua yang membabitkan tajuk, “*Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair*” yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk dan semua pegawai yang hadir, PAC Parlimen ini terdiri daripada 14 Ahli Parlimen dan seorang Setiausaha PAC yang juga adalah Setiausaha Dewan Rakyat. Kita juga ada pegawai-pegawai ex-officio jawatankuasa yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Akauntan Negara.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berbahagia Datuk bahawa PAC Parlimen ini telah memulakan prosiding pada 4 September yang lepas, baru-baru ini, dengan mendengar keterangan serta penjelasan daripada MOF serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pihak yang hadir adalah Yang Berbahagia Datuk Siti Zauyah binti Md Desa selaku TKSU (Dasar) MoF serta Yang Berbahagia Dato’ Seri Paddy bin Abd Halim selaku Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Selain dimaklumkan oleh Jabatan Audit Negara berhubung status terkini, ini juga terdapat di dalam Paparan Ketua Audit Negara. Jadinya, saya juga hendak maklumkan bahawa semua apa yang hendak diterangkan dan segalanya akan dicatatkan dan perlu tekan *mike*. Bagi pegawai-pegawai yang mungkin perlu dapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai yang lain, saya hendak minta juga Yang Berbahagia Datuk, sebelum memulakan ataupun menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli PAC, sila nyatakan nama dan juga jawatan untuk memudahkan pencatat kita pada hari ini. Jadinya, dipersilakan Yang Berbahagia Datuk untuk memulakan penjelasan dan keterangan kepada Jawatankuasa PAC. Terima kasih.

**Datuk Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad selaku Pengerusi PAC dan semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) atas jemputan kepada KPDNHEP bagi memberi penerangan berkaitan pengurusan subsidi gas petroleum cecair atau kita panggil *liquefied petroleum gas* (LPG).

Untuk makluman Yang Berhormat Dato’ dan juga Ahli-ahli PAC yang lain, bersama-sama saya ini, seperti yang telah diperkenalkan tadi, pegawai-pegawai kanan kementerian yang akan, *insya-Allah*, bersedia untuk memberikan penjelasan berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan khususnya yang berkaitan dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Jabatan Audit Negara telah menjalankan sesi pengauditan tentang pengurusan subsidi LPG di KPDNHEP mulai 27 Julai hingga 7 September 2018, tahun lepas. Jadi dalam saya memberi penjelasan, untuk makluman Yang Berhormat Dato', saya akan menggunakan slaid juga. Ia lebih mudah untuk rujukan Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang lain.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 bertarikh 8 Ogos 2018 telah menyatakan bahawa MoF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai maksud golongan sasaran atau *target group* dan jenis kawalan yang dihasratkan bagi memastikan dasar tersebut adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta. Itu keputusan mesyuarat tersebutlah. Kedua, MoF dan KPDNHEP hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan sama ada dengan membuat pindaan kepada akta sedia ada ataupun menggubal satu akta baharu. Ketiga, mewujudkan *standard operating procedure* (SOP), garis panduan yang komprehensif merangkumi proses pelantikan pembekal dan tuntutan bayaran subsidi LPG oleh pembekal yang melibatkan KPDNHEP dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Isu punitif atau *red flag* dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 berkaitan KPDNHEP adalah berkaitan dengan perkara 6— saya terus fokus kepada perkara ini, Yang Berhormat sekalian, iaitu perkara 6.1 iaitu anggaran subsidi bagi pengguna tidak layak iaitu RM1.717 bilion. Itu yang dimaksudkan ada ketirisan.

Jadi, isu berbangkit mengenai pemberian subsidi kepada pengguna yang tidak layak dan tindakan harus diambil untuk mengurangkan jumlah subsidi dinikmati oleh golongan yang tidak layak. MoF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas. Setakat ini tiada dasar yang jelas lagi, untuk makluman Tuan Pengerusi.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Soalan. *Chairman?*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Okey, terima kasih. Datuk Muez, jadi maknanya *meeting* 8 Ogos 2018, sudah lebih kurang setahunlah, *in fact, more than a year*. Maknanya, memang tidak ada *result* lagi daripada *meeting* ini? *Guideline* baharu, tak ada?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Belum ada lagi.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi, Datuk mesti faham apa isu dia sebab Audit sudah— *you have read the Audit Report, right?*

**Tuan Pengerusi:** Soalan yang...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tahun 2019, bukan?

**Tuan Pengerusi:** Maknanya tengok balik semula...

**Tuan Wong Chen:** Tidak, tidak. Tahun 2018— slaid pertama *you*.

**Tuan Pengerusi:** Tengok slaid yang pertama Datuk. Tengok slaid yang pertama— eh, yang kedua, yang ini... *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

**Tuan Wong Chen:** Tengok itu, "8 Ogos 2018".

**Tuan Pengerusi:** Sebab dinyatakan bertarikh 8 Ogos 2018. Jadinya...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** *Sorry.* Ini tahun 2019.

**Tuan Pengerusi:** Pegawai kalau buat, kena buat betul-betul.

**Tuan Wong Chen:** Okey, okey. *[Ketawa]*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tahun 2019. Minta maaf, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2019?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tahun 2019, betul. Minta maaf, tidak perasan. Itu saya terkejut tadi itu.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya baru sahaja membuat keputusan. Datuk, bermakna keputusan ini dibuat ataupun mesyuarat ini dibuat...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tahun 2019. Ya.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Bermaksud keputusan ini dibuat setelah Audit membuat teguran kepada kementerian?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini tukar ini. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Pegawai, ini tukar. Macam manalah.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Betul atau tidak, Datuk— saya tanya soalan— setelah Audit membuat satu teguran, maka diadakan perjumpaan ataupun bermesyuarat dengan MoF untuk berbincang tetapi belum ada tindakan lagi dibuat oleh kedua-dua pihak? Adakah ini betul? Mesyuarat itu telah dibuat, keputusan bersama telah dibuat tetapi belum ada tindakan?

■1120

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Belum ada keputusan yang...

**Tuan Pengerusi:** Keputusan kah belum ada...

**Tuan Wong Chen:** Tekan mikrofon.

**Beberapa Ahli:** Mikrofon.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Okey. Belum ada keputusan tetapi tidak ada— maknanya dari segi pemberian subsidi berkaitan dengan dasar yang jelas, bermaksud golongan sasaran masih belum—



Untuk makluman, Tuan Pengerusi— *just* saya hendak maklumkan senarionya dululah, Tuan Pengerusi. Dari segi apabila MoF memberikan penjelasan dalam *committee* ini, ada menyatakan— saya dimaklumkanlah. Saya ada semak juga dengan BNM. Dia menyatakannya objektif utama program subsidi ini *since*...

**Seorang Ahli:** Tahun 1983.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tahun 1983 lagilah. Ada tiga objektif utama pada masa ketika itu dilaksanakan iaitu: untuk menstabilkan harga produk petroleum; kedua, untuk mengurangkan kos sara hidup, berkaitan *cost of living*; dan juga untuk mengelakkan kenaikan harga barang. Rasanya itulah *target* yang...

**Tuan Wong Chen:** Baik, baik. *Chairman*, kita kena tanya dulu Jabatan Audit Negara, bila yang— *when was the exact date we tabled this to the KPDNHEP?* Ada tidak? Adakah di bulan...

**Tuan Pengerusi:** Audit, sila bagi maklum balas.

**Tuan Wong Chen:** Tahun ini atau bila? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
*...Report, can tell us when did you submit the copy to them?*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Chen:** Lebih kurangnya. *I mean this report came out in the—* kalau saya tidak silap, *second quarter 2019, is it?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *Second quarter.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Untuk Jawatankuasa Tindakan LKAN, ia adalah pada 8 Ogos 2019 tadi, ya. *All right.*

**Tuan Wong Chen:** Jadi, soalan tambahan saya kepada Datuk, selepas menerima pada 8 Ogos 2019, bilakah *meeting* antara MoF dan KPDNHEP tentang masalah ini? Ada tidak?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Chen:** Peringkat kementerianlah. Maknanya kedua-dua kementerian ada duduk tidak dan mengenal pasti apakah isu serta apa tindakan lanjut?

**Tuan Pengerusi:** Pegawai, tolong *check* tarikh ini. Tarikh.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** Tuan Pengerusi, saya bantu sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Saya Badrul.

**Tuan Pengerusi:** Siapa Badrul? TKSU. Ya, silakan.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Saya TKSU KPDNHEP. Mesyuarat bertarikh 8 Ogos 2019 adalah mesyuarat yang diatitkan oleh pihak Audit, Bahagian Susulan, dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan saya hadir bagi pihak kementerian dan memberikan penjelasan. Dan tiga keputusan ini dibuat dalam mesyuarat berkenaan.

Selepas mesyuarat itu, kita telah mengatitkan dua siri mesyuarat *task force* iaitu pertamanya dipengerusikan oleh KSU Kementerian, dan keduanya dipengerusikan oleh pihak MoF. *Task Force* ini dibentuk untuk kita membincangkan keputusan awal yang dibuat oleh Ketua Audit Negara berdasarkan *findings* Audit. Jadi, dua *task force* ini belum menghasilkan apa-apa keputusan dasar lagi kerana kedua-dua kementerian perlu merujuk kepada pihak kementerian dan *top management* masing-masing kerana ini melibatkan polisi dan akan memberikan kesan yang besar kepada rakyat dan negara. Jadi, setakat selepas mesyuarat pada 8 Ogos 2019 ini, sudah ada dua siri mesyuarat *task force* iaitu satu di MoF dan satu di KPDNHEP. Tarikhnya...

**Tuan Wong Chen:** Apakah tarikh itu?

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Tarikh, nanti. Pegawai saya sedang semak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, Kota Bharu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya merujuk kepada slaid nombor 1 dan slaid nombor 2 lah. Bukan tajuk, ya. Slaid nombor 1, *point* nombor satu itu, "*MoF dan KPDNHEP perlu...*"—magnanya belum ada lagilah. "*Perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai golongan sasaran dan jenis kawalan.*" Adakah ini bermakna sebelum ini, sejak skim ini dilaksanakan, tidak ada satu dasar jelas mengenai siapa golongan sasaran? *How is the* jenis kawalan terhadap skim ini dilaksanakan? Adakah itu maksudnya?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Betul, Yang Berhormat. Memang tidak ada prosedur yang jelas mengatakan ini subsidi dan hanya— ada yang mengatakan hanya untuk kegunaan domestik. Selepas itu, perincian itu tidak ada, Yang Berhormat. Tidak ada diuraikan penggunaan itu oleh...

**Tuan Wong Chen:** Ia *open* lah.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ia *open*. Ia macam *blanket subsidy*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Maksud...

**Tuan Wong Chen:** Datuk, pakai *mike*, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Semua boleh akses kepada subsidi tersebut.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Maknanya tidak...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Oh, tidak ada.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tidak ada definisi ini sejak tahun 1983?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sejak tahun 1983 ia diperkenalkan sampai hari ini?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Betul. Betul, Yang Berhormat. Sejak dilaksanakan yang saya maksudkan tadi, ia tujuannya... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Silakan, Datuk, teruskan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dengan kata lain, Datuk, *this scheme is open for everyone* lah?

**Tuan Pengerusi:** Yes, yes.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ia tertakluk kepada tiga objektif utama tadi yang saya maklumkanlah.

**Tuan Pengerusi:** Banyak lagi hendak tanya selepas itu. Datuk, teruskan, Datuk, kalau sekiranya...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Okey, menstabilkan harga, mengurangkan kos sara hidup dan mengelakkan kenaikan harga barang. Fasal ini satu item yang begitu dekat di hati rakyatlah. *Overall* semua sekali pakai. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, Datuk rasa sampailah ke sasaran tersebut?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tercapai. Memang ramai.

**Tuan Pengerusi:** Ini harga barang stabil, semua. Tercapailah?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Kita domestik memang guna harga dan— itulah, harga itu sekarang, saya pun hendak mengatakan, agak stabil. Kalau ada kenaikan, kajian— apabila kita hendak kaji sedikit harga subsidi ini, semua peniaga kata ia akan meningkatkan kos hidup, macam satu apalah. Kedai makan, dobi dan sebagainya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya. Betullah.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan. Teruskan, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** *Okay, next.*

**Tuan Pengerusi:** Teruskan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Tuan Pengerusi, saya ada satu soalan. Sebelah kanan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey. Sebab, memang kita mengatakan bahawa tiada peruntukan dari segi akta dan sebagainya sejak tahun 1983. Akan tetapi, dari segi pemahaman kementerian sendiri, penggunaan domestik itu ada takrifan ataupun memang tiada rujukan sebenarnya apabila disebut sebagai penggunaan domestik tersebut?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak ada. Tidak di-*spell out*-kan dalam mana-mana akta dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itulah, semasa kita prosiding bersama dengan Kementerian Kewangan, itu antara *concern* di pihak kami di mana rupanya penguatkuasaan sukar untuk dijalankan disebabkan tidak ada dari segi siapa yang boleh— tidak ada dasar berkaitan dengan itu. Jadi, Datuk, dipersilakan.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** *Okay, next.* Perundangan yang berkuat kuasa berkaitan dengan industri LPG. Saya hendak *share* sikit ini dengan pihak Yang Berhormat iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961. Kita ada satu akta khusus berkaitan dengan kawalan barang-barang kawalan iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961. Selepas itu, disusuli pula dengan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu akta induknya ialah Akta Kawalan Bekalan lah. Ini salah satu akta subsidiari di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu Kawalan Bekalan Produk Petroleum.

Di samping itu juga, kita ada satu lagi Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau kita panggil *Petroleum Development Act (PDA) 1974* di mana kebenaran bagi tujuan mengeluarkan dan memborong produk petroleum. Ini kerana LPG ini, untuk makluman Yang Berhormat, adalah satu komponen daripada produk petroleum.

Selepas itu, kita...

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Saya terpaksa berhentikan Datuk sebentar.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Saya baru dimaklumkan bahawa pada 25 Mac 2003, ada satu Arahan Unit Kawal Seliaan Bekalan Bilangan 5/2003 yang mana antara lain di dalam surat ini menyatakan bahawa larangan pembekalan LPG yang disubsidi ke sektor industri ataupun komersial. Sebab, tadi kita faham tidak ada satu dasar, tetapi ada satu surat yang telah diberikan oleh pihak kementerian, yang ditandatangani waktu ketika ini oleh Encik Mohamad Mokhtar Yeop bagi pihak Ketua Pengarah Penguatkuasa yang memberikan satu arahan bahawa hanya kepada sektor isi rumah yang merupakan LPG— yang pembekalan LPG kepada sektor isi rumah adalah

merupakan LPG yang disubsidikan oleh kerajaan. Betul, kita tidak ada satu dasar tetapi ada satu surat arahan yang di dalam kementerian.

Jadinya, soalan saya kepada Yang Berbahagia Datuk adalah bagaimana, walaupun arahan ini telah dikeluarkan dan Laporan Audit juga menunjukkan bahawa pengguna yang paling ramai, paling banyak sekali adalah dari *industry player*, contohnya adalah dobi, walaupun satu surat arahan telah dikeluarkan oleh pihak kementerian kepada Bahagian Penguatkuasa ini, kenapa perkara ini boleh berlaku, Datuk? Kalau boleh diterangkan sebelum meneruskan.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Okey, ya lah. Dipersilakan Dato'.

■1130

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman [Pengarah Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak menjelaskan bahawa surat itu sebenarnya dibuat secara pentadbiran sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Secara *administrative*.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Secara *administrative* dan bukan daripada segi peruntukan undang-undang. Pada ketika itu, Yang Berhormat, memang kita dapati bahawa banyak penyelewengan yang dibuat terhadap gas LPG ini oleh pihak industri. Saya berikan contoh. Contohnya...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Penyelewengan.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Ya. Kilang-kilang yang besar-besar ini pun cuba menggunakan juga LPG yang bersubsidi ini. So, kita mengambil tindakan secara pentadbiran untuk mengekang atau mengurangkan penggunaan tersebut tetapi tidak dibuat secara peruntukan undang-undang. Ini kerana dasar pada ketika itu tidak menyatakan bahawa kita perlu membuat satu peruntukan undang-undang yang jelas dan kita cuba buat secara pentadbiran dahulu. Itulah yang berlaku sebenarnya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Betul, secara pentadbiran. Itu yang tadi maklumat ini adalah surat dalaman yang telah dikeluarkan.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Walaupun satu arahan ini telah diberikan dan dalam waktu yang sama, kita tahu tidak ada undang-undang ataupun dasar mengenai perkara ini, tetapi dalam Audit didapati bahawa jumlahnya *very significant*. Penyalahgunaan subsidi ini *very significant*. Jadinya, apakah tindakan daripada kementerian, walaupun satu surat arahan telah dibuat? Ini

arahan dalaman, tahu? Maksudnya, adakah arahan ini, surat ini dikeluarkan hanya untuk mengaburi pihak-pihak tertentu sahaja?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya hendak menjelaskan di sini, Tuan Pengerusi. Sebenarnya program subsidi LPG ini secara keseluruhannya adalah untuk mengelakkan kenaikan harga barang. Akan tetapi, kalau penyelewengan dibuat keterlaluan, maka kita tidak ada pilihan, kita akan ambil tindakan juga. Akan tetapi, kalau setakat yang dibangkitkan dalam Laporan Audit inilah, ketirisan itu berlaku di dobi dan juga di kedai makan.

**Tuan Pengerusi:** Betul.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Wait.*

**Tuan Pengerusi:** Nanti saya beri kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Akan tetapi sebelum itu, betul, Dato', itu mengambil contoh, tetapi adakah kementerian hendak biarkan ia berleluasa? Bermaksud kita tahu perkara ini berlaku, kita juga tahu dalam waktu yang sama kita tidak ada dasar tetapi satu arahan telah dikeluarkan. Jadinya, penguat kuasa patutnya mengambil kira arahan dalaman ini sebagai satu arahan terhadap satu masalah yang dikenal pasti oleh kementerian sendiri. Sampai Audit menegur pun baru ada satu mesyuarat penyelarasan dibuat, tetapi mesyuarat penyelarasan itu dibuat dan juga dimaklumkan tadi, baru peringkat penyelarasan tetapi belum ada apa-apa lagi tindakan.

Sebelum Dato' jawab, saya hendak minta Yang Berhormat Permatang Pauh untuk bertanya soalan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bertanyakan soalan lanjutan memandangkan sebentar tadi TKSU telah menerangkan. Walaupun dua jawatankuasa wujud untuk membincangkan kritikan daripada Laporan Ketua Audit, mahu atau tidak mahu, keputusan akhir untuk menjadikan sebarang tindakan itu punitif tertakluk dalam tangan Menteri. Maksudnya, satu, Menteri Kewangan dan keduanya, *of course* Menteri KPDNHEP. Adakah ini bermaksud bahawa surat yang disebut tadi, dirujuk pada tahun 2003 itu merupakan semaksimum mungkin yang dapat dilakukan dalam bidang penguatkuasaan untuk menjadikan ia satu tindakan susulan mengelakkan penyelewengan menerusi *administrative procedure*? Lebih daripada itu, ia tidak dibenarkan ya? *Can I ask whether that is true?*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya sangat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Memang secara pentadbirannya kita cuba buat sebaik mungkin untuk mengekang penyelewengan ini tetapi kalau dasarnya ketika itu tidak ada untuk kita merubah ataupun meminda undang-undang sedia ada, maka daripada segi penguatkuasaan, memang kita tidak boleh buat apa-apa. Cuma, kita cuba sebaik mungkin untuk—



Contohnya, Yang Berhormat, untuk tempoh tahun 2015 hingga tahun 2019 ini, kita telah membuka kertas siasatan terhadap kesalahan berkaitan dengan LPG ini sejumlah 1,083 kes. Selain daripada itu, Yang Berhormat, kita juga mengambil pendekatan bahawa mereka yang menyelewengkan LPG ini, kita siasat di bawah AMLA dan kita telah pun membekukan...

**Tuan Pengerusi:** Ada berapa banyak siasatan telah dibuat?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Setakat ini, 1,000 kes itu adalah berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan tetapi di bawah kes-kes AMLA ini, kita telah membuka lebih kurang 15 kertas siasatan AMLA dan nilai sitaan harta alih ataupun wang ringgit yang kita telah tahan setakat ini ialah RM14.691 juta yang dibuat oleh penyeleweng-penyeleweng ini. *[Disampuk]* Memang ada tindakan secara agresif yang kita buat.

**Tuan Wong Kah Woh:** Maksudnya, Dato', tindakan sepanjang ini adalah berdasarkan penguatkuasaan di bawah AMLA dan juga satu akta...

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Akta Kawalan Bekalan 1961.

**Tuan Wong Kah Woh:** Akta Kawalan Bekalan. Okey, soalan saya. Sama ada kedua-dua *legislation* ini adalah memadai untuk tindakan daripada pihak penguat kuasa daripada kementerian? Atau pun dasar yang baharu perlu dibuat seperti yang dinyatakan tadi?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Dua akta itu tidak berapa kukuh untuk kita mengambil tindakan terutamanya macam dalam isu ini ialah berkaitan dengan dobi dan kedai makan, peruntukan undang-undang sedia ada sebenarnya membenarkan mereka menggunakan LPG tersebut. Kalau dasarnya ialah untuk tidak membenarkan dobi dan kedai makan untuk menggunakan gas LPG ini, kita tidak ada masalah, undang-undang perlu dipinda dan kita akan kuat kuasa.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, sampai mana Akta Kawalan Bekalan dengan AMLA ini boleh digunakan untuk situasi sebegini ataupun untuk kes-kes yang dibuka kertas siasatan?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya bawa satu contoh, Yang Berhormat. Ada banyak kes yang berlaku adalah ada peniaga membeli gas bersubsidi 14 kilogram ini, mereka akan buat projek dan akan disalin kepada gas 50 kilogram yang tidak ada subsidi.

**Seorang Ahli:** *Transfer?*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Dia *transfer* dan mereka menjual harga bersubsidi ini dengan menggunakan harga industri, komersial.

**Tuan Wong Kah Woh:** Saya tidak faham. *Sorry?* *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Yang Berhormat, gas 14 kilogram itu adalah harga yang disubsidikan. Maksudnya dia sangat murah. Kemudian, dia akan *transfer* gas yang 14 kilogram itu kepada yang LPG, gas tong yang industri.

**Tuan Pengerusi:** Inisiatif tambahanlah ini.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Betul, Yang Berhormat. Jadi yang macam ini yang kita ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan dan juga di bawah AMLATFA kerana dia memperoleh hasil yang tidak sah sebab dia mencuri subsidi kerajaan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman, Chairman.*

**Tuan Wong Hon Wai:** Bukit Bendera ada soalan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya. Ini berebut pula. Siapa dahulu?

**Tuan Wong Hon Wai:** Saya dahulu.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Saya dahulu, saya dahulu.

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Beri sana dululah. Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Hulu Langat dan selepas itu Kota Yang Berhormat Bharu.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Kalau setakat yang kedai makan dan dobi, kita tidak mengambil tindakan.

**Tuan Wong Hon Wai:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Kota Bharu dan selepas itu Yang Berhormat Jasin. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Hon Wai:** Terima kasih. Tadi kita telah mendengar bahawa ketirisan telah berlaku di kedai dobi dan juga restoran. Soalan saya, sama ada salah guna subsidi LPG ini boleh *cross border* melalui darat? Saya tidak tahu *pricing* di Thailand, Brunei ataupun Kalimantan di Indonesia. Adakah fenomena ini berlaku? Boleh atau tidak berikan satu keterangan berkenaan yang melalui darat untuk keluar ke negara jiran? Silakan.

**Tuan Pengerusi:** Siapa? Dato' Iskandar. Okey, dipersilakan.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan bahawa oleh kerana LPG kita ini sangat murah kalau dibandingkan dengan negara luar, memang ada kemungkinan berlaku penyeludupan. Dulu yang sangat teruk ialah di Sabah, di kawasan Tawau di mana LPG kita dihantar ke Indonesia kerana di sebelah sana tidak ada gas pun. Kalau ada pun sangat sedikit. Jadi memang mereka memerlukan gas daripada kita. Akan tetapi yang darat ini dari Semenanjung ke Thailand dan sebagainya, memang sangat kurangnya, tidak berlaku. Akan tetapi yang di Tawau ke Indonesia itu memang banyak tetapi kita sudah ada

pendekatan yang kita ambil untuk mengekang ketirisan ini dan sedang berjalan dengan eloklah daripada segi kekangan tindakan yang kita ambil.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Datuk Hulu Langat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Ya, terima kasih.

**Seorang Ahli:** Datuk Hulu.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Datuk Hulu ya. Saya merujuk kepada punca kuasa yang ada dalam slaid 10 ini. "*Akta 122 memberikan kuasa kepada Menteri PDNHEP untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengehadkan kuantiti apa-apa barang kawalan yang boleh diperoleh*". Bererti, adakah akta ini tidak memadai untuk mengeluarkan satu pekeliling supaya mereka yang di dalam bidang industri tidak terlibat menggunakan barang-barang yang bersubsidi? Sebab, ini bukan hanya subsidi tersasar, subsidi terlebih sasar. Ini menyebabkan kita mengalami kerugian yang terlalu banyak.

Soalan saya yang kedua. Sekiranya akta ini tidak boleh digunakan, apakah penasihat undang-undang ataupun pegawai-pegawai kementerian tidak mengangkat benda ini supaya dipinda akta? Supaya kita dapat dalam— sejak daripada tahun 1983, kemudian ada signal tahun 2003 yang begitu jelas, apakah tidak ada satu kesedaran tanggungjawab untuk membawa benda ini supaya ia dapat dilakukan tindakan segera?

■1140

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, saya cuba jawab itu. Seperti Yang Berhormat ada *trigger* berkaitan punca kuasa mengehadkan bekalan barang kawalan, perenggan 6(2)(k) memang ada menyatakan bahawa Akta 122 iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 telah memberi kuasa kepada Menteri PDNHEP untuk membuat peraturan bagi mengehadkan kuantiti apa-apa barang kawalan yang boleh diperoleh atau dipegang oleh mana-mana orang atau golongan orang termasuk memperuntukkan pendaftaran orang atau golongan orang itu, mengeluarkan kad pengguna oleh pengawal— dalam bentuk kaedahlah. Boleh keluaran kad atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pengawal dan mengenakan caj, fi atau caj berkenaan dengan pengeluaran kad.

Jadi, daripada maksud perenggan dalam akta ini, adalah jelas memang Menteri ada kuasa boleh menentukan. Walau bagaimanapun, sebelum menggunakan kuasa tersebut, ia merupakan satu polisi yang besar kerana polisi subsidi ini adalah di bawah Kementerian Kewangan dan kena jelas di situ. Maksudnya kalau betul kita hendak kawal orang ini terus tidak boleh beli, ini tidak boleh. Mesti ada polisi yang jelas. Itu sebabnya kita hendak *come out with* satu polisi yang besar yang akan ada *effect* dari segi politik, dari segi ekonomi, dari segi sosial dan sebagainya.

Bukan semudah itu kita hendak melaksanakan dasar tersebut. Buat masa ini baru kita melaksanakan petroleum bersasar. Baru kita hendak *test* yang ini, *insya-Allah*, ada kejayaan, mungkin kita akan *extend* benda ini kepada barang-barang subsidi yang lain. Contoh, tepung. Walaupun sistem sudah *develop— because, it is no easy to enforce* kerana kalau kita kawal, katalah kedai, restoran, dobi kalau dia hendak beli, kita takkan hendak *check IC? Come on, be practical.*

Di kementerian kita, saya ada 2,300 anggota penguat kuasa. Dia mengawal selia lebih kurang 11 lagi akta, untuk makluman Yang Berhormatlah. Akta Kawalan Bekalan ini sebahagian. Akta Kawalan Harga lain. Kita ada lagi AMLA, kita ada lagi akta-akta yang lain iaitu Akta Timbang dan Sukat, Akta Perihal Dagangan, barang-barang tiruan.

Jadi macam mana pun, kita kena *must be practical. It not easy. It easy to say than done.* Kalau kita hendak pastikan bukan warganegara jangan beli, *how to identify?* Dia akan upah orang lain beli. Kita mesti *study*, buat kajian mekanisme yang terbaik macam mana untuk dapat yang terbaik. Kita tidak hendak orang lain, *public* ini tengok *make fun of the government.* Bila kita naikkan harga, ia akan impak— sebenarnya kita ini memang terkekang. Kita ini Kementerian KPDNHEP ini memang hendak jaga kebajikan rakyat dari segi *cost of living.* Inilah satu punca yang boleh menaikkan *cost of living* untuk rakyat.

Kalau ini, ia akan— satu polisi yang besar. Betul, memang akta ada memperuntukkan kuasa Menteri, boleh kita buat, *anything* kita boleh buat, tapi dari segi pelaksanaan, dari segi polisi, itu satu yang perlu bersama MoF, kena satu *political will* yang begitu kuat kalau kita hendak melaksanakan. *It is not easy.*

Berkaitan dengan isu LPG di Malaysia ini, kita antara yang termurah. Harga di Malaysia ini, untuk makluman Yang Berhormat, adalah *very competitive, relatively very cheap compared to Indonesia.* Saya sudah tengok di Indonesia. *As compare to Thailand,* kita antara yang murah. Oleh sebab itulah— tapi *the issue cross border* berkaitan dengan Thailand, tidak ada isu sangat. Di *Singapore* tidak ada isu *border* kita. Tetapi yang ada isu sikit ini di Sabah. Saya pernah pergi di Pulau Sebatik itu. Oleh sebab Pulau Sebatik itu ia satu pulau terbahagi kepada dua— satu Malaysia, satu Indonesia— tidak ada langsung pagar apa pun, saya akui memang ada penyeludupan gas LPG subsidi kerana di sana di sebelah Tarakan di situ, ia adalah terlalu *remote,* memang tidak ada *supply* LPG. Memang orang sana harap kita punya LPG.

Akan tetapi, kita ada kawalan dekat situ sekarang ini. Dah diambil tindakan. Saya sudah bincang dengan Yang Berhormat Menteri dan kita akan mengadakan satu dasar untuk diangkat ke Jemaah Menteri untuk memaklumkan bahawa kita akan cuba membenarkan *legalize*-kan

eksport LPG tanpa subsidi. Itu sahaja yang kita boleh kawal industri. Pasal, ia tidak ada *border* langsung...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Okey, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tuan Pengerusi, boleh saya tanya?

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Jadi, menjawab soalan Yang Berhormat itu...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** ...Kita memang ada kuasa. Kalau betul— tapi kita kementerian tidak boleh bersendirian menggunakan kuasa tersebut kerana *it's a very big policy*. Kita akan bincang dengan *owner project*— untuk makluman Yang Berhormat, *under* MoF sebenarnya. Kami ini membantu.

Akta Kawalan Bekalan 1961 itu sebenarnya fokusnya kita keluarkan rejim— disebut Akta Kawalan Bekalan ini adalah memastikan bekalan itu cukup. Rakyat macam mana pun, *the first* yang penting, bekalan mesti cukup untuk barang-barang asas ini. Termasuklah ada 12 barang— LPG, gas petroleum, tepung, gula, simen, minyak masak. Itulah, akta itu sebenarnya akta ini pastikan— *the discipline of the act* adalah untuk memastikan bekalan mencukupi.

Bukan hendak kata subsidi, orang ini tidak boleh terima. Itu bukan. *That is not the focus* sebenarnya. Akan tetapi, boleh. Masih boleh lagi kalau ada polisi yang besar. Kita *identify focus group* mana yang boleh terima. Akan tetapi, kena fikir juga dari segi kemampuan pelaksanaan, *practicality* macam mana kita hendak *enforce*. Kita tidak hendak nanti satu *very big implication*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Datuk. Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Daripada penerangan Datuk KSU tadi, saya rasa akta yang paling besar sekali dalam konteks kes kita ini, kawalan ini adalah Akta 122, Akta Kawalan Bekalan 1961. Saya tidak ada akta di depan saya sekarang ini. Cuma, saya jumpa satu pindaan telah dibuat oleh Parlimen pada tahun 2015, *amendment to the Act 122*. Antaranya yang dipinda ialah seksyen 22. Saya tidak tahu seksyen 22 ini berkaitan apa tapi rasanya *punishment* ataupun penalti.

Telah dipinda daripada "*one hundred thousand*" maksimum kepada "*one million*". Ini *subsection (1) of the section 22*. Kemudian telah menggantikan perkataan "*two hundred and fifty thousand*" kepada perkataan "*three million*". Kemudian subseksyen itu juga menggantikan perkataan "*two hundred and fifty thousand*" kepada "*two million*" dan "*five hundred thousand*" to "*five million*".

Jadi soalan saya, sehubungan dengan Dato' Iskandar sebut tadi penguatkuasaan, *enforcement*, 1,000 lebih kalau *investigation paper* (IP) dibuka, daripada banyak-banyak 1,000



lebih ini, 15 diletak di bawah AMLA. Kemudian yang lain-lain ini, adakah tidak ada satu tindakan yang serius? Misalnya, kalau bawa mahkamah, berapa mahkamah kenakan denda kepada mereka ataupun kalau di peringkat kementerian, adakah ada kuasa untuk *impose compound*, misalnya? Jadi dengan peruntukan undang-undang yang begini besar ini, adakah penguatkuasaan terhadap isu ini memberi kesan yang baik ataupun macam mana? Terima kasih.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cerita sedikit sejarah kenapa kita pinda undang-undang ini berkaitan dengan hukumannya.

Pada tahun 2013 dan 2014, kita mengalami masalah *crisis diesel*. Ini kerana pada ketika itu, diesel kita antara yang paling murah dan banyak diseludup ke luar negara. Jadi, pendekatan kita pada ketika itu ialah kita bekerjasama dengan pihak *task force* AGC dan ada kapal-kapal penyeludup ini yang kita telah rampas dan dijadikan harta kerajaan, pada ketika itu.

Apabila kita menguatkuasakan akta ini dan kita pinda peruntukan ini kepada penalti yang lebih tinggi, pada tahun 2014, kita telah berjaya menyelamatkan subsidi kerajaan berkaitan dengan diesel ini lebih kurang RM500 juta apabila kes menurun dan dieselnnya kurangnya diseleweng. Walaupun ada diseleweng tetapi amaunnya kurang dan kita telah berjaya menyelamatkan lebih kurang RM500 juta pada tahun 2014 sahaja. So, itu sebab kenapa kita pinda.

Selepas itu, Yang Berhormat, kes-kes yang melibatkan Akta Kawalan Bekalan ini bukan melibatkan LPG sahaja. Kita ada juga mengawal kesan-kesan yang melibatkan minyak masak, barang kawalan yang lainlah.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Ya, minyak masak pun kita subsidi juga. *[Disampuk]* Baja, Yang Berhormat, pun kita juga ambil tindakan. Contohnya, banyak baja-baja yang diberikan oleh kerajaan...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Baja nitrat, Yang Berhormat. Baja yang *petroleum based*. Bukan baja asli. Baja petroleum.

**Tuan Pengerusi:** Ini berkaitan dengan baja yang berkaitan dengan petroleum. Okey.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Yang banyak baja diseleweng oleh kita punya petani di utara yang PPK itu, itu pun kami ambil tindakan. Sebab, baja ini masuk jadi barangan kawalan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dia seleweng buat apa?



## ■1150

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Dia ambil baja itu tetapi tidak taruk pada padi, dia pergi jual. Jadi ada peraih-peraih, dia yang akan mengumpul ini. *[Disampuk]* Itu pun kita ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Dia *repack* semualah. Akan tetapi yang ini telah dibuatlah, operasi sudah ada.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Operasi berjalan. Itu pun kami yang kena buat, Tuan Pengerusi.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tuan Pengerusi, kita buat operasi dengan SPRM, dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dengan AGC.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya yang semua yang berkaitan dengan subsidi ini memang banyaklah terjadi salah guna subsidilah oleh penerima-penerima?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Betul.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau mahkamah ini, mahkamah mana, Datuk? Kalau mahkamah ini.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Kebanyakan kes kita memang dakwa di Mahkamah Sesyen dan ada juga kes yang akhirnya berakhir di Mahkamah Tinggi dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi untuk hari ini, kita fokuskan kepada LPG sahaja...

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** LPG sahaja.

**Tuan Pengerusi:** ...Sebab itu yang telah dibuat teguran oleh Audit. Sebab, kalau tidak, nanti kena buka siasatan lainlah pulakan oleh PAC. Jadinya kita fokuskan kepada LPG.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Okey, setuju, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, Dato', yang Yang Berhormat Kota Bharu tanya tadi, kalau sudah selesai, saya hendak minta Yang Berhormat Jasin tanya soalan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya kita tengok di sini memang satu perkara yang rumit untuk menjalankan penguatkuasaan. Kalau kita tengok empat-empat akta ini, ia adalah meliputi semua barang-barang kawalan yang disalahgunakan. Pertama sekali minyak masak. Kedua macam LPG ini, selepas itu petroleum dan lain-lainlah.

Saya ada pengalaman tentang minyak masak ini. Ia dibuat secara terbuka. Dekat sempadan itu, dibuat secara terbuka *by lorry load. We cannot stop.* Akan tetapi apa yang patut kita buat daripada pihak kementerian, yang pertamanya, kita kena sediakan *infra* dulu. Fasal, kalau kata gas ini *you have gas pipe, you need to have that gas pipe everywhere.* Sekarang gas

*pipe are only actually can be found in the industrial area.* Yang lain tidak ada *gas pipe*. Jadi tidak boleh tahan orang beli gas bersubsidi. Ya tidak? Kalau macam minyak masak, patutnya— saya dulu ada buat satu cadangan kepada kementerian satu kawalan. Maknanya sekarang yang pengeluar minyak masak yang bekalkan kepada vendor kita, vendor *will take note who are the buyers*. Kita tengok yang melebihi dua paket sahaja, kita kata, “*Who are you? What is the use for?*” Akan tetapi, kita tidak buat itu.

Jadi kita tidak boleh tahan macam kedai-kedai makan membeli minyak masak secara banyak yang bersubsidi, fasal tidak ada kawalan. Kita boleh cakap penguatkuasaan tetapi kita tidak ada orang yang cukup hendak buat penguatkuasaan tetapi kawalan daripada awal tadi kita tidak buat. Macam mana pandangan Datuk?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, Yang Berhormat khusus ada menyatakan tentang— *the issue* dia adalah, sama juga, Yang Berhormat, dari segi barang-barang kawalan ini, kita masih lagi tidak ada polisi yang kata yang orang ini tidak boleh hendak beli, peniaga pasar malam tidak boleh hendak beli. Kita tidak ada lagi polisi itu, Yang Berhormat. Kalau ada nanti, *insya-Allah*, kita boleh *come out* dengan satu polisi yang besar, yang orang ini tidak boleh membeli dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di peringkat kementerian khususnya Yang Berhormat ada menyentuh tentang minyak masak, *insya-Allah*, memang kita ada pastikan supaya *repackers* tersebut mesti menjual kepada pemborong atau peruncit yang ada lesen dan sebagainya. Kalau tidak, kita tidak benarkan subsidi. Akan tetapi, apabila peringkat peruncit hendak jual pada siapa-siapa itu, setakat ini kita tidak ada dasar yang khusus untuk mengawal itu, Yang Berhormat.

Akan tetapi dari segi dalam awal tahun 2017 yang lepas, ada kita buat macam *ration*. Maknanya *hypermarket*, kedai runcit dan sebagainya tidak boleh menjual lebih daripada dua *pack* barang subsidi minyak masak tersebut. Itu isu minyak masak tadi, Yang Berhormatlah. Akan tetapi sekarang minyak masak, bekalan memang banyak...

**Tuan Pengerusi:** Lebih fokus kepada LPG, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Okey, okey.

**Tuan Pengerusi:** Sebab kalau tidak, nanti tidak habis kita. Nanti...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** LPG ini, kita patut ada *infra* kita. Paip kita di mana?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya lah. *Infra piping* itu tetapi bidang kuasa di bawah kementerian lain pula. Gas Malaysia, gas...

**Tuan Pengerusi:** Yes, ya lah. Akan tetapi sebelum ini... *[Disampuk]* Sudah habis? Okey. Cuma saya hendak tanya, pernah kah tidak dari segi kementerian dulu-dululah, pernah

kah tidak ada dibuat satu *Cabinet paper* untuk menyatakan mengenai yang kumpulan sasar ini tidak *put very clear* siapa kumpulan sasar ini? Adakah tidak? *I am just curious*, sama ada adakah tidak dibuat oleh pihak kementerian? Sebab, kita bercakap tadi mengenai tidak pernah ada *Cabinet paper* itu, tidak pernah ada.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tuan Pengerusi, dalam tahun, seingat saya dalam awal tahun 2017, memang kita ada sediakan satu Kertas Jemaah Menteri ketika itu tetapi tidak berjaya di *table*-kan masa itu. Ada lah beberapa kekangan dan sebagainya. Kita ada beberapa cadangan iaitu kita hendak *come out* dengan *small bottling*. [Disampuk] Ada satu yang kita cuba drafkan. Satu kaedah oleh kerajaan ketika dulu yang mengatakan satu kaedah untuk menghalang gas-gas tong bersubsidi ini pergi kepada industri komersial dan sebagainya, kita *come out* dengan botol yang kecil. Tidak mungkin— takkan kedai mamak hendak pakai botol kecil, tong kecil? Takkan kedai dobi hendak pakai tiga kilogram punya tong? Itu sebab kita sudah ada cadangan begitu. Sudah beberapa *rounds, series round of meeting*, bincang dengan MoF, kita hendak *come out* dengan *small bottling*.

Dan *at the same time*, kita juga hendak kawal dari segi kuota. Itu satu pendekatan juga. Kuota, maknanya— *player* yang terlibat dalam LPG sekarang ini ada enam termasuk dua, ada baharu pula. Dua ini dia pakai komposit *tank* tetapi dia tidak *operate* lagi. *Basically*, ada enam *player* sekarang ini iaitu PETRONAS, Petron, BHP— ada enam *player*. Jadi kita hendak adakan sistem kuota. Maknanya sekarang di peringkat MoF, masih tidak ada lagi yang sistem kuota, sistem itu. Lebih baik kita gunakan tetapi setakat ini belum lagi. Tidak dapat dilaksanakan. Itu satu inisiatif cadangan dululah, kerajaan yang dahulu.

Kedua, kita hendak *come out* dengan *small bottling*. Akan tetapi bila kita hendak buat yang *small*, sekarang tong yang ada di pasaran sekarang ini adalah 14 kg, ada 12 kg dan 10 kg. Popular yang 14 kg itulah, RM26.60. Itu dikawal oleh pihak kementerian sayalah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Bukan itu RM100 kah? Tong gas itu.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang komposit itu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Komposit itu tetapi tidak *operate*. Ada dua *player*...

**Tuan Wong Chen:** Datuk, Datuk.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ya, Yang Berhormat Subang.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Jadi, sebab itu, Yang Berhormat, kita cadang itu tetapi masalahnya bila kita bincang dengan industri pada ketika itu hendak *come out* dengan *small bottling* itu, dia akan melibatkan kos yang begitu besar. Hendak tukar *the tong is not that easy*,

*because millions of tong on the ground.* Lepas itu hendak tukar, hendak beli yang tiga kg itu akan makan masa dan akan *incur* puluhan juta ringgit dan *at the same time*, dia bukan hanya hendak tukar tong tetapi dari segi *bottling plant* pun kena diubah. *It's not that easy* kerana kita *machine* itu yang bila dia itu, dia punya *conveyor* apa semua itu kena *sort* balik. Dulu tinggi banyak ini, sudah tinggi banyak ini— ya lah, satu kos yang begitu besar pada industri.

**Tuan Wong Chen:** Okey. *All right.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Permatang Pauh dan selepas itu Yang Berhormat Hulu Langat.

**Tuan Wong Chen:** Terima kasih. Datuk Muez, saya sudah timbulkan perkara ini dengan MoF ya. Sebenarnya kalau hendak buat kuota, senang sahaja. Macam Kelantan— saya dari Kelantan. Kelantan, 1.2 juta orang sahaja. *You* boleh *calculate* keluarga itu. Katakan lima orang satu keluarga, bolehlah kita kira berapa ratus keluarga yang ada. Lepas itu, *you* kalilah dia pakai tong sebulan sekali, sebulan setengah sekali. *Why don't we just limit the quota?* Katakan untuk Kelantan, 100,000 tong.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang Berhormat Subang sudah jadi Kelantan.

**Tuan Wong Chen:** Ya lah, memang lah. *[Ketawa]* Okey. *Oghe Kelate lah kito semuo ini.*

**Tuan Pengerusi:** *I Johor...*

**Tuan Wong Chen:** Okey, tidak apalah. Akan tetapi kalau kita boleh pakai sistem kuota, kita *calculate* penggunaan itu berapa, penduduk itu berapa, keluarga itu berapa, barulah boleh *control*. Kalau tidak, 100,000 tong pergi Golok nanti susahlah kita. *[Ketawa]*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, kita akan cuba tengok pendekatan semua ini. Memang ada cadangan itu, Yang Berhormat, tetapi *somehow or rather*, benda itu selepas itu...

**Tuan Pengerusi:** Sukar untuk dilaksanakan.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ha, sukar.

**Tuan Pengerusi:** Betul. Okey. Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Datuk Muez, ada saya tengok slaid yang tidak sempat kita habiskan ya. Slaid muka surat 18, ada disebut cadangan rasionalisasi industri pada tahun 2016 yang termasuklah silinder LPG yang bersaiz lebih kecil.

Persoalan saya, memandangkan Datuk dan *team* sudah berbincang, sudah mengetahui masalah pelaksanaan, kekangan logistik dan sebagainya, boleh tidak dibekalkan kepada kami bidang kuasa dan juga *itemize details* perbincangan kedua-dua Jawatankuasa yang telah

ditubuhkan? Ini supaya bila kita membuat rekomendasi nanti, kita nampak ada beberapa cadangan, contohnya, yang boleh dilaksanakan.

Kedua, kesan ekonomi berganda. Mahu tidak mahu, kena tengok juga, bukan? Lepas kita beri pengecualian kepada kedai makanan dan kedai dobi, pasti mereka akan tingkatkan kos kepada pengguna. Akan tetapi, tidak bermaksud kita hendak gagal juga. Kita hendak teruskan supaya jangan dicuri.

Jadi, saya fikir kedua-dua butiran yang lebih terperinci ini penting buat kami, *because whatever we have been asking, I am sure you have been thinking all this while.*

#### ■1200

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat. *Insyallah.*

**Tuan Pengerusi:** Nanti pihak kementerian boleh bekalkan kepada pihak Sekretariat untuk kegunaan kami seperti yang dinyatakan tadi.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Saya cuma hendak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian sebab tadinya saya menjangka tidak ada sebarang usaha daripada kementerian. Akan tetapi kalau macam ini, ada rasionalisasi ini, bererti ada usaha. Cuma, belum mencapai kepada yang sepatutnya. Terima kasih dan minta maaf. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Terima kasih. Yang Berbahagia Datuk hendak meneruskan ini? Slaid belum habis lagi. Okey, teruskan.

Memang kita macam ini. Untuk makluman Datuk, setiap kali bila ada prosiding, memang kita akan bagi laluan untuk pembentangan, tetapi *along the way, Members of PAC will stop you and ask you questions.* Ini perkara biasa. Boleh tunggu sampai petang juga, tidak ada masalah. Dipersilakan, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** So, akta ini kita sudah *explained* juga tadi. Kalau hendak kata Menteri tidak ada kuasa, memang ada. Memang ada. Tetapi kena *clear* betul macam mana hendak gunakan kuasa. *It is not* kita boleh guna kuasa itu sewenang-wenangnya kerana nanti akan memberi implikasi yang besar kepada negara dan sebagainya.

*So, next.* Inisiatif kementerian. Saya hendak *share* dengan pihak Yang Berhormat sekalian tentang inisiatif kementerian. Jadi, kajian semakan semula harga jualan runcit LPG, memang kita ada buat penglibatan sesi bersiri industri LPG untuk merancang strategi menstrukturkan semula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), membangunkan *case study*. Ini kerana, untuk makluman Yang Berhormat, penentuan harga LPG sama juga prosedurnya seperti kita tentukan harga diesel dan harga petrol iaitu menggunakan mekanisme APM di mana kalau

gas ini, kalau RON95 atau diesel ini, kita gunakan harga MOPS yang kita dapat dari Singapura. Itu yang *first* sekali kita tengok harga *refined oil* yang di-*trading*-kan di pasaran dunia.

Untuk yang LPG ini, kita gunakan *based* kepada data daripada Aramco, Saudi punya petroleum, iaitu dengan komponen dua bahagian karbon iaitu *propene* dan *butene*. Ada lah dia punya teknikal dia itu, baru kita dapat kira. Selepas itu barulah kita kira margin pengedar berapa, berapakah margin *oil company*— semua itu kena kira. *Then*, barulah kita dapat harga yang kita kenakan sekarang ini. Jadi kita memang—

Pihak pengurusan tertinggi KPNDHEP bersetuju dengan penubuhan *taskforce* untuk mengkaji semula industri LPG dan fokuskan empat bidang utama iaitu elemen APM— itu yang saya kata tadi *Automatic Pricing Mechanism* tadi— rantai pengedaran, standard LPG kepada pengguna. Memang kita ada sudah usaha ini untuk kita mengkaji harga tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, benda ini pernah ditimbulkan juga. Pada mesyuarat Majlis Ekonomi pada 18 Mei 2015 bersetuju— memang dah ada keputusan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdahulu iaitu bersetuju dengan kajian semula APM bagi penetapan harga runcit LPG bersubsidi iaitu *alpha* dinaikkan daripada USD40 kepada USD80 mulai Mei 2015. Ada lah cadangan itu iaitu kos-kos *handling* LPG tersebut. Selepas itu, margin pengedar dinaikkan. Ada lah beberapa cadangan. Ini baru cadangan, Yang Berhormat. Kos operasi untuk silinder 14 kilogram dikaji semula. Sabah dinaikkan— ada lah *rates* yang berbeza mengikut negeri. Harga runcit LPG silinder 14 kilogram dinaikkan daripada RM26 sekarang ini— sampai sekarang, Yang Berhormat, belum kita *review* lagi harga tersebut fasal kita takut lagi hendak *review* harga-harga inilah kerana impak dia, apa lagilah, bukan?— kepada RM35.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita tidak subsidi tong ini sekarang ini dengan harga pasaran dunia dan sebagainya, harga dia akan mencecah RM40 satu tong.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Yang 14 kilogram?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** RM40 satu kilogram. Kalau kita *withdraw this* subsidi, tidak tahulah dia punya impak kepada pengguna, kepada *business*, kepada *cost of living*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu tong berapa kilogram, Datuk?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu tong berapa kilogram?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** 14 kilogram.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** 14 kilogram ya?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** 14 kilogram, yang tong standard itu. *[Disampuk]* Yang Berhormat, kalau kita tarik subsidi, dia *can go up*— saya sudah kira tadi sebelum masuk tadi. So,



maksud dia, kalau tarik subsidi, dia akan jadi RM39, RM40 lah ikut kepada harga dunia yang Saudi Aramco punya harga tadi. Sekarang harga RM2.80 satu tong sekarang ini.

**Seorang Ahli:** Satu kilogram.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Satu kilogram. *Sorry*. Bukan satu tong. Maaf. Jadi, sekarang kita sudah gazet...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, saya macam semasa dengan MoF pun, saya maklumkan mengenai harga-harga ini semua. Saya, *maid* saya lebih tahu daripada saya. Datuk, teruskan.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Kita sudah gazetkan harga tersebut. Siapa yang jual pada harga lebih RM3, kita akan ambil tindakan. Ini bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Itu antara tugas penguat kuasa kami. Kita akan ambil tindakan kalau dia menjual harga lebih daripada itu. Jual rendah tidak apa.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, betulkah Datuk, tidak semua akan diambil tindakan? Disebabkan kekangan-kekangan disebabkan penguat kuasa kalau ada laporan, baru ada...  
[Disampuk] Akan tetapi, bukan semua. Adakah itu betul?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tugas penguat kuasa ini, Yang Berhormat, dia akan buat *routine checkup*, dia ada dia punya jadual. Kalau jumpa aduan, kita akan ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Satu soalan.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak saya tanya dahulu? Selepas itu nanti saya bagi.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sila.

**Tuan Pengerusi:** Okey, begini. Oleh sebab itulah saya hendak bertanya. Sebab dalam penemuan Audit, dua yang berkaitan yang ditegur oleh Audit kepada pihak kementerian di mana salah satu daripadanya adalah rekod, penyelenggaraan rekod itu. Dalam penemuan Audit, dianya hanya setakat pengedar utama sahaja tetapi tidak di bawah di mana sub pengedar tidak direkodkan.

Jadinya, saya hendak bertanya kepada pihak Datuk sendiri, bagaimana Datuk— selepas daripada pengedar utama itukan, dia ada yang bawah. Yang bawah itu tidak ada dalam rekod. Adakah sistem di kementerian *integrated enough* untuk mengenal pasti siapakah yang telah dilantik sebagai sub pengedar?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih. Dia dalam struktur, untuk makluman Yang Berhormat, dalam LPG ini adalah satu daripada syarikat pembekal utama inilah, *oil company* Petron, Shell, tetapi dia hantar kepada...

**Tuan Pengerusi:** Pembekal utama betul, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Pembekal utama, dia akan...

**Tuan Pengerusi:** Dia bawah dia ada sub.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** ...Di-*deal* oleh *master dealer* dia itu. Selepas itu, dia ada sub.

**Tuan Pengerusi:** *Master dealer* itu ada rekod tidak?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** Sub pengedar bawah dia?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang ada lesen, *yes*.

**Tuan Pengerusi:** Yang ada lesen.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Dia mesti ada lesen. Kita panggil lesen CSA atau *Control Supply Act* punya lesen. Dia dikehendaki menyimpan rekod, menyimpan di buku stok dan sebagainya. Apa-apa, itu yang kita pegang kalau kita hendak ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Adakah rekod itu terkini? Sebab tegurannya adalah tidak diselenggarakan dengan lengkap dan dikemas kini oleh pengedar dan juga sub pengedar LPG. Saya hendak minta maklum balas mengenai perkara ini.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Yang Berhormat, saya jawab soalan ini. Mengikut Peraturan 13 Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, pemborong yang ada lesen borang di bawah Akta Kawalan Bekalan ini memang kena rekod berapa banyak dia terima, daripada siapa dan sebagainya dan kepada siapa dia jual pun dia kena rekod. Itu prinsip undang-undangnya, Yang Berhormat.

Akan tetapi, Yang Berhormat, bukan semua yang akan taat kepada undang-undang kita. Ada sesetengahnya cuba mengelak dan sebagainya. Ini kalau kita jumpa, memang kita ambil tindakan. Kalau berlaku dalam pemeriksaan, kita tengok dia tidak rekod...

**Tuan Pengerusi:** Apa tindakan yang diambil itu, Dato'?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya beri contoh, Yang Berhormat. Kita ada operasi pada awal tahun di Kelantan. Kita ada masalah minyak masak kita banyak seberang ke Thailand. Yang disubsidikan. So, apabila kita membuat *auditing* dan kita dapati bahawa memang ada pemborong-pemborong ini yang terlibat, kita ambil tindakan mendakwa mereka di mahkamah. Ada yang sudah dijatuhkan hukuman. Ada juga kalau kesnya terlalu kecil, kita ambil tindakan kompaun. Maksudnya, tindakan itu secara berterusan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat, kita cuma ada lebih kurang dalam 2,300 orang pegawai penguat kuasa di seluruh negara, di Sabah dan Sarawak. Jadi kalau kita hendak pergi setiap hari kepada semua pemborong, kita tidak akan buat kerja lain lagi sudah.

■1210

**Tuan Pengerusi:** Ya, maksudnya terdapat kekangan daripada *human resource* lah. Betul ya?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Kekangan yang sangat-sangat drastik yang PAC kena bantu kami. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Saya sedar kita sebenarnya hendak fokus kepada ketirisan dan juga subsidi yang tersasar sepatutnya. Akan tetapi, oleh sebab *table* muka surat 14 ini ada sebut tentang harga, saya hendak tanya sejauh manakah kementerian ini ada kuasa untuk mengawal harga penghantaran pula? Sebab saya difahamkan hari itu, kita tidak boleh kawal harga penghantaran. So, sejauh manakah kementerian ini ada kuasa untuk itu?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Harga yang kita gazetkan, Yang Berhormat, di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ini adalah harga pada peringkat pengeluar, peringkat pemborong, *supply chain* itulah, Yang Berhormat, dengan runcit. Jadi, selalu kalau dia ambil tong, ambil dekat kedai tersebut, dia akan dapat harga tersebutlah. *Insya-Allah.*

Akan tetapi, kalau dia suruh hantar ini— setakat ini kita tidak ada lagi satu mekanismelah, kan? Kadang-kadang dia ambil RM2, kadang-kadang dia ambil RM1, *sometime*. Itu antara *between buyer* dan *seller* lah, Yang Berhormat. Sebenarnya *government* tidak ada hendak sampai ke peringkat itu. Kalau terlalu— kalau dia caj RM5 atau RM6 lebih itu, *insya-Allah*, kita akan boleh siasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 juga.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Ya.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Kita gunakan peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Akta yang sama tapi bab yang *profiteering* itu. Boleh kita ambil tindakan. Kalau RM1 atau RM2, kalau dia setuju— ya kan, daripada dia hendak pergi, hendak *parking* dan sebagainya— dia bayar juga RM1 atau RM2, rasanya itu *between buyer* dan *seller* jugalah, Yang Berhormat. Tidak ada lah kita hendak gazetkan berapa kos penghantaran itu sampai ke pengguna. Kalau pengguna itu ambil dekat kedai, *insya-Allah*, dia akan dapat *that* harga, Yang Berhormat. *Insya-Allah*, Yang Berhormat, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya ada satu soalan. Saya *last* soalan ini.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. Kalau belum *last* pun tidak apa. Silakanlah. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita tengok sini, 10 kilogram ialah RM19. Manakala 14 kilogram ialah RM26.90.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Datuk Muez cakap tadi, harga pasaran bagi satu kilogram ialah RM40. Betul?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** *No, no.*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak, tidak.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Ini yang *seven cent*.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ini subsidi?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Subsidi.

**Tuan Pengerusi:** Selepas ini, Yang Berhormat Johor Bahru dulu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tanpa subsidi berapa ringgit?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tanpa subsidi, kalau 14 kilogram ini, boleh pergi RM40.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** RM40? Satu kilogram atau apa?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak, tidak. Satu tong.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Satu tong, 14 kilogram.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Oh! Terperanjat saya.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Eh, tidak, tidak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu kilogram, tidak bolehlah.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tong 14 kilogram itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kalau RM40 pun, maknanya ini *highly subsidized*, tahu? *Highly subsidized...*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya lah. Kita... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** RM40 untuk 14 kilogram ya?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya, 40 kilogram, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, selepas ini Yang Berhormat Johor Bahru. Silakan Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk dan pasukan, takrifan 'tersasar' ini—sebab kalau saya lihat penerangan daripada awal tadi, Datuk sebut objektif diadakan subsidi LPG ini untuk tiga tadi iaitu kawal harga barang, kawal harga petrol dan kurangkan kos sara hidup.

Jadi, apabila diterangkan bahawa harga dunia sekarang ini sudah mencecah ke RM40 berbanding dengan harga yang disubsidi di Malaysia ini, jadi saya mungkin berbeza pandangan daripada kawan-kawan PAC di sini ataupun daripada Laporan Ketua Audit Negara bahawa ini bukan tersasar. Maksudnya, apa yang dilaksanakan oleh kementerian iaitu melalui peruntukan

dua undang-undang tadi, melalui Akta Kawalan Bekalan tadi dan juga melalui AMLA, mereka yang salah gunakan dari segi penyeludupan telah dikekang ataupun ada pemerhatian khusus.

Kedua, mereka yang salah guna, mencuri. Maksudnya, dia pecahkan balik. Ambil RM15, masuk ke RM50. Itu salah. Dia ambil kesempatan. Akan tetapi, kalau berdasarkan takrifan objektif tadi hendak kawal harga barang, maksudnya penggunaan ini, kita kena pilih industri mana yang kita hendak kawal harga barang.

Kalau soal makanan, restoran tadi, kekhuatiran kerajaan ataupun kekhuatiran rakyat di luar adalah tidak hendak harga barang ini melambung, maksudnya ada rasional supaya diberikan subsidi ini dengan syarat dipanjangkan kepada pengguna. Maksudnya, bukan untuk membuat keuntungan melampau oleh peniaga. Akan tetapi, hendak tidak hendak, ia mengawal harga makanan.

Jadi, yang ini, saya hendak mendapat komen lebih lanjut daripada kementerian supaya sekiranya pandangan kami di sini merasakan ini semua tersasar dan sebagainya, kerisauan saya pula ialah kita akan tersasar dari segi hendak kawal harga barang tadi. Maksud saya, kementerian sebenarnya sudah melaksanakan tanggungjawab sebaiknya. Undang-undang yang ada ini pun ia boleh guna pakai melalui kaedah penyeludupan dan juga mencuri tadi. Akan tetapi, untuk kawal harga ini— kalau contohnya kita setuju industri dobi ini kita tidak hendak subsidi sebab dikira adalah servis yang tidak diguna pakai oleh rakyat kebanyakan, mungkin tambahan dan sebagainya—

Jadi, apa komen daripada kementerian supaya pandangan PAC hari ini tidak hanya menjurus ini semua tersasar dan tersasar, akhirnya, rekomendasi daripada kami ini seolah-olah kita *remove* elemen subsidi dalam peringkat komersial ini yang secara tidak langsung tiga objektif asal subsidi tahun 1983 ini— melainkan kita hendak rombak perkara tersebutlah. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berbahagia Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ya, Yang Berhormat, seperti yang dimaklumkan tadi, yang saya maklumkan tadi mengenai apakah objektif program ini diadakan, ia adalah kos sara hidup, mengawal harga barang, petroleum dan sebagainya. Akan tetapi, buat masa ini, kita tidak ada lagi polisi yang mengatakan dobi tidak boleh pakai, pasar malam tidak boleh pakai, restoran mamak tidak boleh pakai, contohnya ini. Tidak ada lagi polisi tersebutlah. Yang Berhormat, setakat ini memang tidak ada. Jadi, dia orang pakai ini, kita setakat ini, setakat tengok sajalah dia orang. Selepas ini, kalau terlalu banyak...

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh tengok saja, Datuk.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak, tidak. Makna kita tidak ada peruntukan yang itu.

**Tuan Pengerusi:** Ini kerugian. Ia ada ketirisan, tahu? Jumlah RM1.717 bilion.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak ada peruntukan yang jelas. Memang *it's a reality*. Akan tetapi, kalau dia memegang tong yang lebih banyak, dia mesti ada lesen pula. Dia perlu ada lesen.

**Seorang Ahli:** Kawalan.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ha, kawal. Itulah kawalan yang kita boleh gunakan.

Selalunya, apabila kita bercakap dengan industrilah, Tuan Pengerusi, kalau tidak ada tong subsidi dan tidak ada apa semua ini, kemungkinan dia macam kata, harga akan naiklah dan sebagainya. Kami tidak boleh hendak menjamin kalau dia menggunakan subsidi, dia tidak boleh menaikkan harga.

Walau bagaimanapun, kita memang ada satu akta yang khusus iaitu Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan tersebut untuk menengok secara keseluruhan. Tidak tahu menjawab atau tidak Yang Berhormat punya soalan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, kalau saya hendak *follow up* dengan Dato' Iskandar pula. Sebab, Bahagian Penguatkuasaan, takrifan 'ketirisan' yang disebutkan tadi ini, pandangan Dato', ini ketirisan kah atau— kita sudah tahu tadi, Dato' sudah beritahu fasal penyeludupan dan kecurian ini semua. Akan tetapi, isu dia sebenarnya mengawal harga barang ataupun mengawal harga makanan. Jadi, pandangan penguatkuasaan macam mana?

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Sebelum itu. Saya tambah sedikit saja sebab saya rasa sangat relevan pandangan daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Kita balik kepada *spirit* audit dan juga isu ketirisan dan ketirisan itu RM1.717 bilion. Itu yang dibangkitkan dalam Audit, maka kita berkumpul di sini. RM1.717 bilion...

**Tuan Pengerusi:** RM1.717 bilion untuk tahun 2015 sehingga tahun 2017.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Okey, adakah itu kerugian kepada negara dan kerajaan? RM1.717 bilion mengalir itu ke mana? Itu perlu kita fahami ya. Sebab, berdasarkan kepada program asal— *owner* program ialah Kementerian Kewangan yang menetapkan untuk memberikan subsidi LPG kepada rakyat untuk memenuhi tiga objektif utama tadi yang disebutkan, ya. Menstabilkan harga, mengurangkan kos sara hidup dan mengelakkan kenaikan harga barang.

Subsidi adalah satu elemen yang digunakan oleh kerajaan untuk mencapai satu tujuan tertentu. Subsidi disampaikan biasanya dalam dua keadaan. Pertama, kita menyampaikan terus kepada rakyat melalui *cash*. BSH adalah subsidi *direct* yang kita beri. Ini bermakna rakyat terima terus masuk dalam poket mereka. Kedua, kadang-kadang yang pertama tadi berlaku juga *abuse*. Mereka tidak gunakan untuk menyerap dan menampung keperluan perbelanjaan sebenar tetapi mereka salah gunakan.



Untuk mengelakkan berlaku itu, kerajaan menggunakan kaedah kedua iaitu subsidi disasarkan kepada *players*, pemain industri supaya industri itu dapat *absorb* sebahagian daripada kos perkhidmatan dan barangan yang perlu dinikmati oleh rakyat, *at the end*. Jadi, dua tujuan ini digunakan oleh kerajaan dalam kita menyampaikan subsidi kepada rakyat.

Isunya ialah adakah RM1.717 bilion itu kerugian kepada kerajaan dan tidak dinikmati oleh rakyat? Dalam keadaan ini, saya rasa RM1.717 bilion ini, sekiranya ditafsirkan sebagai ketirisan, sebenarnya tiris kepada industri yang akhirnya *absorb* kepada keseluruhan kos sara hidup rakyat. Membantu mengurangkan— *cushion* sebahagian daripada kos yang terpaksa rakyat bayar dalam keadaan sebenar.

**Tuan Pengerusi:** Datuk Badrul...

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu sekiranya disampaikan ke sasaran yang betul.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Ya, betul, Tuan Pengerusi. Itu saya hendak habiskan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau disalahgunakan itulah yang persoalan di sini.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Dalam hal ini, berdasarkan peranan yang diberikan oleh KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa, MoF telah menetapkan objektif tiga dan sasarannya tadi.

#### ■1220

Sasarannya ialah kepada domestik. Ini adalah program yang dilaksanakan secara *blanket subsidy*— saya *quote* balik apa yang dibentangkan dalam PAC sebelum ini— dan kegunaan dihadkan kepada domestik. Domestik ini pula boleh kita tafsirkan dalam dua keadaan.

Jadi dalam keadaan yang paling mudah ialah domestik kegunaan isi rumah. Kalau isi rumah, kalau semua gas ini masuk pada isi rumah, maka ia tersasar. Akan tetapi, ada dalam keadaan-keadaan tertentu dalam konteks *business* khususnya, domestik ini boleh ditafsirkan dalam keadaan di mana kegunaan domestik dalam negara. Kalau dalam negara, bermakna ketirisan yang dibangkitkan itu sebenarnya dinikmati oleh industri dalam negara yang memenuhi keperluan yang nombor dua yang saya sebutkan tadi iaitu untuk menyerap sebahagian kos perkhidmatan dan barangan yang perlu dibayar oleh rakyat.

Jadi, saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Johor Bahru bahawa dalam kita membicarakan ketirisan dan kerugian RM1.717 bilion ini, sebenarnya ia berkisar dalam negara, kegunaan rakyat domestik yang memenuhi keperluan satu dan dua tadi.

Jadi dalam hal ini, saya harap kita memahami konsep sebenar, isu sebenar— saya menghargai usaha yang dilakukan oleh pihak Audit untuk membangkitkan perkara ini. Memang

ada kelemahan dari awal. Sejak tahun 1983 apabila kita memulakan program, tidak ada tafsiran yang jelas tentang kegunaan kumpulan sasar domestik. Itu yang merisaukan.

Kita berbincang tentang peruntukan akta dan lain-lain, memang ada ruang untuk kita meningkatkan dan menambah baik akta tetapi dasar yang jelas perlu dibuat. Siapakah *targeted group* yang kita hendak? Adakah isi rumah sahaja ataupun kita benarkan keseluruhan industri domestik dalam negara? Dalam konteks ini, saya rasa kalau kita faham, maka kita boleh membuat kesimpulan sendiri sebenarnya adakah berlaku ketirisan atau tidak dan ke mana perginya RM1.7 bilion tadi. Terima kasih Yang Berhormat dan Dato'.

**Tuan Pengerusi:** Sama-sama. Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya. Saya hendak kembali kepada penemuan Audit di muka surat 15 iaitu perbezaan jumlah pembayaran. Saya teliti di sini, ada di kolum "*Tindakan Pelarasan*", masih ada syarikat-syarikat yang tersenarai di situ yang tiada tindakan diambil. Apa yang saya tertarik ialah kepada syarikat nombor tiga yang sudah terlebih bayar sebanyak RM6.6 juta. Masih tidak ada tindakan untuk ambil balik?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi urusan bayaran, tuntutan oleh syarikat itu, saya rasa itu di bawah tindakan MoF bersama Jabatan Kastam. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sebab dalam prosiding pertama, memang ada dibangkitkan antara tegurannya dan telah dibangkitkan dengan MoF mengenai perkara ini. Oleh sebab itulah kita memanggil KPNDHEP ini untuk menerangkan kepada kita sebab kita tengok tidak ada *limit*. Maknanya dia boleh *claim, claim, claim* sampai kerajaan terlebih bayar dan masih ada lagi yang belum pulangkan semula duit itu. Duit itu adalah *public money*. Masih ada. Masih ada lagi yang belum pulang. Itu di bawah MoF, Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sebab dia tidak ada— mungkin tidak ada dalam maklumat Datuk, bukan?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak ada.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Adakah kita akan panggil Kementerian Kewangan untuk menjawab ini?

**Beberapa Ahli:** Sudah, sudah.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tuan Pengerusi, saya hendak susulan lagi sedikit tadi. Sebab dalam soal ketirisan tadi, maksudnya takrifan ketirisan yang diguna pakai oleh Audit mungkin daripada sudut mungkin golongan yang tidak perlu, tidak wajar terima tetapi terima. Akan tetapi pandangan ketika itu, mereka yang bukan pengguna rumah— maksudnya benda itu sudah tersasar. Okey, itu yang saya hendak tahu daripada ulasan kementerian.

Kedua, daripada sudut kepenggunaan ini, RM1.71 bilion ini rekod yang kita nampak sebab ini kita dapatkan daripada peringkat pengeluar, atas tadi iaitu lima enam syarikat utama, kita *based on that*. Akan tetapi, adakah kajian— ataupun supaya kementerian mempertahankan kaedah kita punya penguatkuasaan dan sebagainya bahawa daripada RM1.71 bilion ini, berapa sebenarnya jumlah yang betul-betul tiris kepada penyeludupan atau kepada kecurian? Dan banyak mana pula sebenarnya yang diterima oleh pengguna daripada sudut kepenggunaan tadi?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Satu persoalan yang saya hendak tanya, hendak lontarkan soalan ialah...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Saya yang tanya soalan untuk dijawab.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Tidak apa, Yang Berhormat. Kita tahu atau tidak berapa sebuah kedai mamak yang 24 jam ini gunakan gas untuk perniagaan dia? Sehari, 10 ke 12 tong LPG 14 kilogram. So, banyak itu sebenarnya. Katakanlah misalnya kita tidak benarkan langsung mereka guna LPG. Yang Berhormat sekalian kena faham, berapa banyak kenaikan harga akan berlaku. Tidak akan ada lagi roti canai harga RM1.50. Paling kurang pun RM2. Teh tarik, *easily can go up to RM3*. So, bagaimana rakyat...

**Tuan Pengerusi:** Jadinya setujulah *commercial companies, for example* kedai mamak itu menggunakan subsidi LPG ini? Daripada tadi Yang Berbahagia Dato' katakan macam setuju. Setujukah?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. Jawab sahaja dulu. Setuju atau tidak?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya setuju...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** ...Sebab tujuan asal subsidi ini dulu diberi ialah kerana untuk mengelakkan kenaikan harga barang. Kalau kita tekankan supaya dobi tidak boleh guna, restoran tidak boleh guna, memang kenaikan harga— yang hendak guna dobi pun bukan orang lain, suri rumah juga. Tidak larat hendak basuh baju, dia pergi dobi. *[Ketawa]* Yang Berhormat, yang hendak pergi makan di kedai mamak ini siapa?

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak makan di kedai mamak.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Kalau tidak makan di kedai mamak, makan di kedai lain pun sama juga, dia akan guna LPG.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Orang yang tidak makan di kedai mamak, dia tidak payah dapat subsidi sudah. Orang yang lepak kedai mamak ini okey.

Sebab, contohnya *argument* daripada Tuan Pengerusi tadi, seolah-olah mamak-mamak ini buat keuntungan yang berganda-ganda disebabkan subsidi gas tadi. *[Disampuk]* Okey, tetapi sebab itu saya hendak tahu daripada segi wajar atau tidak? Maksudnya, pandangan satu sudut akan mengatakan bahawa akhirnya rakyat yang akan menikmati harga makanan yang rendah.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Betul, setuju.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Akan tetapi pada masa yang sama juga, *argument* akan kata kedai-kedai ini buat untung. Jadi yang ini, *I need input* daripada kepenggunaan, *you* tahu di bawah dan sebagainya, supaya kita boleh ada dapatan daripada PAC ini bukan hanya daripada sudut *numbers* ketirisan yang kerangka besar tetapi isunya, kita sebagai kepenggunaan, *do we want to defend* ini ataupun tidak, supaya ada pandangan yang seimbang.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dato', sebelum Dato' jawab, penting kenapa kami diberikan konteks latar belakang kerana semasa Kementerian Kewangan dan Kastam menjelaskan di peringkat mereka, dia memberikan gambaran berbeza. Contohnya, *the absolute manipulation and* bagaimana mereka ini mengambil dan mengaut keuntungan berlebihan. Jadi, *at least you provide some degree from your point of view*. Fasal saya faham, tentunya penguna dan sebagainya akan *end up* bayar nilai dan harga yang lebih tinggi. Akan tetapi kami ini diminta untuk memberikan rekomendasi dan kami tidak mahulah terlajak secara ekstrem *with whichever ideology that you have*.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Okey, faham, faham. Dengan izin, saya rasa ketirisan yang disebutkan ketirisan sebenarnya bukan ketirisan. Kalau berlaku ketirisan, ia kepada rakyat juga. Dobi, siapa yang guna? Rakyat kita. Mereka yang pergi makan di kedai mamak, rakyat kita juga. So, kalau ketirisan ini berlaku umpamanya diseludup ke luar, bagi saya, itulah sebenarnya ketirisan. Akan tetapi yang diseludup keluar sebenarnya tidak banyak. Saya tidak ada statistik tetapi berdasarkan pengalaman yang saya ada, memang tidak banyak pun. Yang ada sedikit masalah kita di Tawau yang sekarang pun sedang diuruskan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, *interesting* juga ini, Dato'. Sebab petrol, petrol subsidi, bukan? *Recently* ditarik ya. Jadinya macam mana ya petrol ini boleh dilaksanakan dan— adakah kementerian ada buat satu kajian ataupun respons daripada rakyat apabila perkara ini berlaku?

*Because*, kita dua-dua ada subsidi dulu tetapi petrol satu keputusan drastik— tetapi *interesting* juga, boleh tengok apa impaknya kepada rakyat.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Dah buat dah? Fasal petrol ini. Ini walaupun lain tetapi saya hendak buat perbandingan...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Itu dah jauh dah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak. Hendak buat perbandingan. Betul atau tidak?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Akan tetapi, saya sependapat dengan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sebab itu pernah dibuat. Sebab itu kita hendak tahu juga apa respons rakyat.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau bandingkan dengan— yang ini pun subsidi juga. Dato' cakap subsidi juga. Betul atau tidak?

■1230

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh saya bantu Dato' sedikit? Saya tambah sedikit.

Jadi maksudnya sekarang ini, kalau dalam soal macam petrol subsidi bersasar sekarang ini, alasan untuk ketirisan ataupun tersasar dengan golongan yang mewah, sebenarnya kita sudah *tax* melalui eksais duti kereta. Maksudnya kereta itu mahal, *you raise* macam mana kita *raise income tax* punya *bracket* yang paling tinggi itu RM2 *million*, *you* naik 30 percent.

Dalam isu petrol subsidi bersasar ini, kalau diguna pakai *argument* LPG tadi, sebenarnya tidak ada keperluan atas alasan ketirisan ataupun alasan tidak sampai ke kumpulan sasaran sebab daripada B40 tambah M40, secara logiknya yang terkeluar ialah T20 yang mana kita boleh *tax* melalui harga kereta dan sebagainya.

Jadi, komen membantu pandangan Tuan Pengerusi tadi, dari sudut kepenggunaan supaya kami mendapat maklum balas secara terus daripada pentadbir, daripada penguat kuasa— *you* tahu dekat bawah— *at least* bagi supaya laporan ini dikeluarkan dan bila dalam *Hansard* selepas dibentangkan di dalam Parlimen, kita tahu bahawa ini keadaan sebenar pandangan daripada kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Boleh Datuk respons atau tidak mengenai perkara ini?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Cakap sahaja. *It's okay*, kita faham.

**Tuan Pengerusi:** Sebab ini nanti kemudian ia akan membantu dari segi rumusan kita dan syor kita kepada kerajaan. Saya faham yang meluluskan adalah kementerian lain. Ia ada

dua kementerian besar ini. Jadinya, dua kementerian besar ini, saya pun tidak pasti sama ada bercakap sesama sendiri ataupun tidak itu. Tapi saya tengok bila dibuat satu Jawatankuasa *task force*, bermaksud *you are doing the coordination on ministry punya level*.

Jadinya, boleh Datuk respons kepada soalan yang kami utarakan tadi? Sebab tadi petrol, kumpul tersasar atau bersasar. Jadinya, itu boleh buat. Itu saya tanya, apa respons daripada rakyat? Sebab yang ini subsidi juga. Kalau kita buat untuk golongan sasar, kalau yang itu boleh diterima, kenapa tidak ini boleh diterima?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Maklum ataupun tidak. Jadi, Yang Berhormat, daripada awal lagi tadi kan, saya rasa kita— ia akan *extend*-kan yang bersasar. Maknanya barang-barang subsidi bersasar ini kita akan *extend for other commodity*. *First* ini kita sudah *start* untuk petroleum RON95 misalnya, ia bukan semua. Petroleum RON97 tidak termasuk. RON95 *specifically*. Berjaya ini, kita akan *extend*-kan pada tepung, minyak masak dan juga mungkin LPG ini sekali, *insya-Allah*. Itu yang akan *extend*-kan.

**Tuan Pengerusi:** LPG ini belum difikirkan lagilah? Baru yang lain dulu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dia bagi *hint* lah.

**Tuan Pengerusi:** Dia bagi *hint*. Akan tetapi, kalau dari segi keutamaan, bukan LPG ini patutnya difikirkan awal?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Mungkin juga tapi itulah keputusan kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Satu komoditi yang diberi keutamaan, Yang Berhormat, yang saya rasa perlu dinikmati golongan yang layak, betul-betullah. Memang perlu. Akan tetapi di samping itu, kena ada kajian sikit juga, apakah kesan. Kena ada satu kajian, Yang Berhormat. Kita tidak boleh...

**Tuan Pengerusi:** Itu yang saya kata tadi...

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Kesan kepada *cost of living* itu nanti. Mungkin perlu ada...

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu tadi saya tanya Datuk, maknanya sudah dibuatlah ini? Sudah buat kah belum?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Belum lagilah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Baru perancanganlah?

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Perancangan kita, kita kena *engage* dengan industri...

**Tuan Pengerusi:** Kena buat. Hendak tahu.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Kena *engage* dengan industri apakah *feedback* dan apakah opsyennya. Mesti siapkan satu opsyen yang lain. Kita tidak boleh tarik macam itu, begitu drastik. Mungkin ada opsyen, dia boleh menikmati harga yang lebih...



**Tuan Wong Chen:** Betul itu, Datuk. Saya memang setuju. Ia memang ada impak. Kalau kita tarik daripada kedai-kedai roti canai ini, kedai mamak ini, *there would be direct impact. But we must distinguish* di antara hotel besar, dobi yang besar-besar *operation*-nya, francais semua ini, tidak bolehlah. *So, this kind of thing, there must be a big data study but we must make a point.* Kalau kita *cut*, kita *cut*. Kita boleh tambah subsidi lain. Faham? Tidak semestinya kita—

Macam sekarang KPDNHEP hendak bagi terus kepada bank akaun penerima. *That's very good* sebab sistem itu tersedia ada. Dari segi implementasi, *cheap and efficient*. Tidak ada *corruption*, tidak ada isu dia. Betul tidak? *So*, bolehlah. Kalau kita potong daripada kedai mamak ini dan harga roti canai naik 20 sen— *we can calculate how many roti canai we eat.* Betul tidak? Kita tambahlah RM4 sebulan. *I mean, we can do thing like that.*

**Seorang Ahli:** Boleh.

**Tuan Wong Chen:** Bolehlah. Akan tetapi, *I understand*, ia memang ada impak besar. *You control* susu, *you control* gandum, semua ini *and you clamp down on it*, mesti ada impak. Okey, *thank you*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Sikit Datuk, kalau boleh. Cuma saya berbeza pandangan dengan Yang Berhormat Subang.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Maksudnya, contohnya kalau katakanlah subsidi tadi dimasukkan terus kepada akaun bank, betul, tiada ketirisan yang disebut ketirisan.

Akan tetapi, dari segi kepenggunaan tersebut, sudah tersasar daripada sudut pengguna. Maksudnya kalau subsidi itu adalah khusus untuk banyak mana dia pakai minyak tersebut, sebenarnya kalau kaedah Kad 95 tadi, ia lebih menjurus kepada *data-driven*. *You* bayar bergantung kepada kepenggunaan, sampai ke limitnya, *stop*.

Jadi, termasuk dalam isu LPG, kaedah yang kita guna pakai sekarang di peringkat atas, maksudnya *you* bagi *direct* apa semua, tetapi dari segi sudut kepenggunaan yang saya tanya sebab hendak tahu pandangan penguat kuasa ini, benda ini sampai atau tidak?

Jadi kalau macam subsidi petrol tadi secara bersasar, ramai yang *complaint* sekarang *check online* tidak dapat, kecoh dan sebagainya sebab, satu, M40 kemudian. Pelaksanaan itu pun kelam kabut sekarang. Tetapi kad tersebut ini, maksudnya lebih menjurus kepada *you* pakai, kita tengok amaunnya berapa banyak dan sebagainya.

Jadi dari segi sudut lebih besar, kepenggunaan— saya memang hendak tahu pemikiran kepenggunaan, bukannya pemikiran dari segi kewangan kerana kewangan akan berpandangan berbeza. Dari sudut pengurusan dana itu berbeza tetapi penggunaan ini kalau boleh respons sedikitlah.

**Tuan Pengerusi:** Dato', bila menjawab ini, menjawab yang dalam bidang kuasa kementerian. Sebab, apa-apa yang berkaitan dengan kewangan, biarlah MoF, ya. Kita fokus, *very focus*. Jadi, jawab yang kalau kepenggunaan, minta Datuk untuk jawab.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi sama ada sasaran itu tepat atau tidak, dalam kes LPG ini, bagi saya memang tepat. Ini kerana tidak ada lagi isi rumah contohnya, yang mengadu dia tidak dapat beli LPG dengan harga yang kita tetapkan. Semuanya dapat.

So, maknanya pada isi rumah, memang dapat dan oleh kerana polisi asalnya dulu ialah untuk mengelakkan kenaikan harga barang, maka kedai makan pun dibenarkan menggunakannya dan termasuklah juga kedai dobi. Kita tidak ada halangan pada ketika inilah. Maksudnya ialah subsidi itu sebenarnya sampai kepada sasaran. Itu tujuannya.

Kalau misalnya, sebagaimana saya sebut lebih awal tadi, sebagai pengguna— ini *my personal view*. Sebagai pengguna, sudah tentu saya hendak barang lebih murah. Kalau *government* subsidi lebih banyak pun, lagi bagus. Jadi pada hakikatnya, sebagai pengguna, saya hendak barang yang berharga murah dan berkualiti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kalau sebagai Pengarah Penguat Kuasa?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** *Simple* sahaja, Yang Berhormat. Sekiranya polisi kerajaan pada ketika ini mengatakan bahawa kita kena ada *targeted subsidy* dan ada undang-undang yang kita *spell out very clearly*, kita akan *enforce*, kita akan menjalankan. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Ada apa-apa lagi soalan yang hendak diutarakan? Yang Berhormat Johor Bahru? Yang Berhormat Tebrau, silakan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Cuma hendak tambahlah. Kalau begini, mengapa kita hanya masukkan kedai dobi dengan restoran dan hotel dalam pengguna sasaran bagi mengelakkan ketirisan yang kita sudah berbincang di sini? Lebih baik kita— kalau pada pandangan kementerian, dobi kah, hotel, restoran, mereka dapat subsidi walaupun mereka bukan pengguna sasaran tetapi manfaat adalah kerana itu akan mengurangkan kos makanan dan juga perkhidmatan kepada pengguna sasaran, jadi mengapa tidak dimasukkan mereka sebagai *targeted group*? Habis cerita. Kalau tidak, Ketua Audit Negara akan kata ada ketirisan.

■1240

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Yang Berhormat, itulah, fasal dalam Laporan Audit itu dia *identify* dobi apa semua dan kedai makan tetapi kita tidak ada— fasal mungkin pihak Audit ketika itu berpandangan fasal benda ini patutnya dikawal tetapi sebenarnya kita tidak ada satu polisi

yang jelas lagi, itu jadi macam itu. Kalau ada kata kita halalkan, tidak ada isulah dekat situ dan sebagainya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Akan tetapi saya tidak— macam saya hendak minta, kalau boleh diberikan pendirian yang sedikit jelas kerana apa yang saya dengar daripada Pengarah Penguat Kuasa dan juga Timbalan KSU, sebenarnya ia diserap dan akhirnya dapat digunakan oleh pengguna yang membayar nilai yang jauh lebih rendah.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. Jadi kalau itu pendiriannya, mudah sedikit. Akan tetapi kalau pendirian kedua iaitu— memang ia ketirisanlah. Sepatutnya setengah kedai dobi yang besar, seperti mungkin disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi, tidak sepatutnya menikmati. Saya faham, dari segi pelaksanaan susah tetapi *at least* kalau pendirian itu jelas, maksudnya dobi dan kedai makan ini secara umumnya tidak perlulah dikecualikan dan memudahkan kerja kami untuk melihat daripada aspek KPDNHEP, itulah pendiriannya.

*It's okay.* Dia bukan dipanggil *inquisition*. Ini adalah pertanyaan supaya kita tahu *you have to let us know what policy are you happy with*. Contoh, dasar tidak jelas, okey. Akan tetapi, sebelum kita dalam proses untuk menjelaskan dasar itu, adakah ia diterima pakai bahawa hotel dan kedai makan ini okey? *Then*, kita pun senang buat kerja.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum menjawab itu Datuk, rupanya yang dobi yang kita kaitkan ini, yang tadi kata untuk orang awam, untuk Yang Berhormat Permatang Pauh guna ini semua... *[Ketawa]* Sebenarnya adalah dobi yang dikenal pasti oleh Audit daripada hotel.

**Tuan Wong Chen:** Hotel!

**Tuan Pengerusi:** *Most of it are hotel.* Hotel punya dobi. Hotel punya dobi, dia tidak ada kaitan— dia orang yang menggunakan hotel. Majoriti daripada itu, majoriti daripada dobi itu adalah dobi hotel, Datuk.

**Tuan Wong Chen:** Dan pelanggan itu majoriti daripada UMNO lah, BN. Dia orang banyak duit, boleh pakai hotel. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *I* duduk rumah okey. Dobi daripada hotel itu yang kita *concern*. Itu yang majoriti daripadanya adalah hotel. Sebab kita bercakap mengenai komersiallah, komersial. Kalau kepada ramai, itu mungkinlah saya pun setuju juga. Jadinya... *[Disampuk]* Bukan. Kena perbetulkan.

Akan tetapi, saya hendak puji langkah yang dibuat oleh kementerian juga dalam menubuhkan jawatankuasa ini, yang jawatankuasa susulan daripada apa yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Akan tetapi kena ada penambahbaikan daripada apa yang telah ditegur oleh Audit itu juga, Datuk.

**Tuan Wong Chen:** *Chairman, can I just say one last thing? Boleh ya?*

**Tuan Pengerusi:** Boleh.

**Tuan Wong Chen:** Minta maafah, tadi *joke* sikit tentang BN ini. *[Ketawa]* *But— okey. I think the most important, Datuk, actually is very simple, tahu? You tahu berapa orang duduk di kawasan itu, you hantar cukup sahaja. Kalau orang itu tidak masak di rumah, dia pergi kedai mamak, the market will take care of it in that sense. But you tahu berapa orang duduk situ, how much they consume, you stick to that. Then you boleh loosen up the enforcement a bit. So, either dia pergi makan mamak atau masak sendiri, you know it is for the people in that kawasan. Bukan untuk smuggling, bukan untuk hotel. Jadi, you guna perkiraan keluarga, kegunaan keluarga.*

Jadi bagilah sikit untuk yang kedai-kedai kecil itu yang buat kerja itu. *I mean, you understand lah. As long as you take the experiences of the user— orang miskin ini yang patut ditolong— berapa kali dia makan, berapa kali dia masak, then you can more or less resolve the issue lah. I think tengok daripada perspektif situ dan tengok juga enforcement capacity. Kalau tidak, 10,000 orang enforcement pun tidak cukup.*

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Tidak cukup.

**Tuan Wong Chen:** Betul tidak? *Then, more or less, kalau ketirisan dua peratus, I think Auditor General also can accept. Plus minus two percent. Right? But kalau 10 peratus, 20 peratus, 30 peratus, we have a big problem.*

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu dalam membuat satu polisi ataupun apa juga arahan oleh pihak kementerian, kena ambil kira perkara seperti ini. Tidak ada lagilah yang katakan kita tidak boleh ambil apa-apa tindakan kerana tidak ada kuasa ataupun tidak ada undang-undang yang mengatakan demikian. Jadinya, kena kenal pasti seperti Yang Berhormat Subang katakan tadi. Kenal pasti. Dobi hotel— ataupun ikut mungkin pendapatan dia, ataupun *revenue* dia, mungkin, contohnya.

Tidak apa, Datuk, kita faham Datuk pun baru juga dekat situ. *[Ketawa]* Ini pegawailah. Badrul lah ini tidak terangkan betul ini. *[Ketawa]*

Apa lagi yang hendak ditanya? Atau Datuk jawab dulu? Ya, Datuk jawab dulu.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati. Berkaitan dengan isu dari segi *classification* itu ya, dari segi domestik punya sektor, dia terhenti dekat situ sebenarnya. Jadi itulah sebabnya *task force*— sebab itu kita akan memperincikan lagi bersama dengan Kementerian Kewangan. Kita hendak tengok.

Fasal ini kalau kita kata okey kah tidak, dia juga bergantung kepada kemampuan kerajaan untuk hendak menanggung ini. *There are about RM2.2 billion* setahun ya untuk industri ini. LPG sahaja. Tidak masuk lagi yang lain-lain subsidi.

Jadi itulah kita perlu lebih terperinci dengan *task force*. Kita akan gerakkan dan aktifkan *task force* tersebut untuk menengok semula apakah implikasi dan sebagainya. Prosedur yang besar ini macam mana kita hendak menangani, *we have to consider* banyak perkara, Yang Berhormat. Kalau kita *straight forward*, nampak memang tidak layak. Kita hendak *household* ini. Kalau *household* ini, kita sahaja yang duduk di rumah. *Industry player* ini tidak boleh hendak menggunakan barang subsidi itu. Akan tetapi, benda ini kena perincikan lagi, sesuai dengan beban yang ditanggung oleh kerajaan.

Kalau kita *implement*, kita hendak tengok juga pasar malam macam mana. Kita hendak beri *exemption* kah? Kalau kita *take out these* tong gas *from* pasar malam, dia punya *implication* dia— ha, kena jawab. Banyak faktor kena tengok dari segi politik, dari segi— saya bukan orang politik tetapi kena tengok juga dari sudut itu kerana sensitif juga dari segi politik itu sebagai kakitangan kerajaan. Saya yakinlah— bukan saya hendak jadi ahli politik tetapi kerana sensitif daripada sudut tersebut. Bukan kita tengok sahaja dari segi pentadbiran semata-mata. Kerajaan punya implikasi itu kita kena tengok. Pelbagai sudut— sosial, ekonomi dan juga politik pun. Kita kena *observe* juga, tidak boleh kita terus apakan.

Itulah, Yang Berhormat, peranannya dan itulah diharap kami cuba yang terbaik, Yang Berhormat, untuk makluman PAC, terbaik untuk melaksanakan supaya rakyat dapat menikmati keselesaan. Itu yang paling penting, Yang Berhormat kan? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sebelum ini, sebelum tutup, saya juga hendak maklumkan bahawa bayaran subsidi ini adalah *concern of the Ministry of Finance* semasa kita buat prosiding dengan mereka kerana jumlahnya yang tidak ada had.

Walau bagaimanapun, saya rasa bila... [Disampuk] Itulah. Saya hendak tahu juga— nanti mungkin Datuk boleh cakap mengenai *timeline* ini. Sebenarnya PAC ini, kita ini bekerja *based on timelines*. Satu, syor nanti kita akan pulangkan balik kepada kementerian dan kemudian *ministry* yang berkenaan kena respons balik apa yang akan dibuat.

Dari segi ini, tadi dimaklumkan kepada kita bahawa ada Jawatankuasa *Task Force*. Jadinya, *task force* ini dimaklumkan baru dibuat bulan Ogos baru-baru ini, tetapi...

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Tuan Pengerusi, saya sebutkan tarikh mesyuarat dia.

**Tuan Pengerusi:** ...Kena ada tarikh dia. Tarikh mesyuarat.

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Tarikh mesyuarat 14 Jun 2019...



**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi tarikh ini, dia mesti ada *timeline* juga bila hendak buat. Jangan mesyuarat sahaja, kan?

**Datuk Badrul Hisham bin Mohd:** Okey, okey. Saya hutang tarikh tadi. Pada 14 Jun 2019 sekali. Yang kedua, 2 Oktober 2019. Dua mesyuarat yang diadakan untuk membincangkan... [Disampuk] Dua kementerian, ya. Di MoF dan KPDNHEP.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Tuan Wong Chen:** *First quarter* tahun depan.

**Tuan Pengerusi:** *First quarter next year, 2020.*

**Tuan Wong Chen:** Boleh tidak selesaikan *guideline* yang baharu? *I mean, how many more meeting you needs with MoF* lah? Soalan saya.

**Datuk Muez bin Abd Aziz:** *Second quarter* lah sebab kita tengah sibuk subsidi RON95 inilah sekarang ini, Yang Berhormat. Selepas itu masuk M40 pula. Tidak sempatlah.

**Tuan Pengerusi:** Kita bagi dia orang *second quarter* untuk memberi maklum balas kepada kita selain daripada rumusan dan segala-galanya. Nanti kena bentangkan juga kepada kami maklum balas daripada rumusan ataupun *conclusion* yang dibuat oleh pihak PAC. Okey, terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tuan Pengerusi, satu lagi. Sikit sahaja. *Last.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, *just* untuk rekodlah. Bagi saya, dari segi ketirisan itu, memang kalau perkara itu dicuri, diseludup keluar, itu memang tiris. Begitu juga dari segi kepenggunaan tadi— maksudnya soal makan, berapa banyak seorang boleh makan?—tetapi hendak *argue* nanti ada cara makan, masakan makanan itu yang lama dan sebagainya, gas makan banyaklah.

#### ■1250

Cuma pandangan saya dalam soal pengurusan subsidi ini, melainkan kita ubah dasar atau prinsip tiga asas utama subsidi tadi, barulah sebenarnya tidak boleh menganggap subsidi ini sebagai benda untuk kita seleweng ataupun tiris, sebab akhirnya kalau benda itu dinikmati oleh pengguna, itu masih konsep subsidi. Akan tetapi soal ketirisan tadi, dari segi kontrak, dari segi menguntungkan beberapa kerat individu melalui kaedah kewangan yang lain, yang itu bagi saya itu memang tiris. Memang yang itu kita kena atasi. Pandangan saya *on record*, bagi saya,



kalau subsidi minyak walaupun dinikmati oleh keseluruhan rakyat Malaysia, itu bukan satu benda yang salah kalau kita... *[Disampuk] Hotel, I means...*

**Tuan Pengerusi:** Kalau dobi itu?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dobi, kalau betul itu...

**Tuan Pengerusi:** Dobi hotel.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, pandangan saya, Tuan Pengerusi, sebab Tuan Pengerusi ada tanyakan. Kalau benda itu menyebabkan Malaysia ini kompetitif dalam membawa pelancong luar— dan kita juga, *because all have the same amount of resources— then you* tahu mana hotel yang buat untung melampau sebab dia ambil keuntungan, sedangkan *the basis* itu adalah sama. *Resources* itu harga pada ketetapan yang sama.

Jadi sebenarnya kalau diteliti lebih lanjut, yang saya mengharapkan sangat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, *you have to defend the idea of subsidy* ini untuk membantu pengguna. *I hope your* takrifan itu bukan hanya sasar sana sini sebab *my very concern because you* nak sasar sana sini, harga barang ke laut, kos sara hidup melambung *and at the end*, kepenggunaan bukan lagi boleh mengawal kestabilan harga.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Terima kasih juga kami dari PAC ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk KSU, TKSU dan semua yang hadir di hadapan PAC pada hari ini. Saya juga hendak mengingatkan Yang Berbahagia Datuk KSU, sekiranya di masa akan datang perlu dipanggil lagi pihak kementerian, kita akan memaklumkan kepada pihak kementerian. Bermaksud, prosiding ini bukan bermakna ia akan berakhir di sini. Sekiranya ada lagi maklumat yang kita perlukan, kita akan maklum kepada pihak kementerian.

Terima kasih banyak-banyak dan terima kasih juga dimaklumkan kepada kami inisiatif terbaharu pihak kementerian dengan pembentukan jawatankuasa walaupun baru bermesyuarat. Terima kasih banyak. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.53 tengah hari]***